AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.33 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 48 | 21 APRIL 2025 / 1446 شوال 22 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di



Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri yang akan menamatkan perkhidmatan.

**>> Muka 2**

# 6 buku terbitan PESEBAR dilancarkan

**Oleh : Aimi Sani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. – Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) hari ini menganjurkan Majlis Pelancaran Buku yang diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PESEBAR bertempat di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu khas bagi menyempurnakan pelancaran buku ialah Pengetua PSB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Sebanyak enam buku terbitan PESEBAR dilancarkan pada majlis berkenaan iaitu tiga buah adalah hasil tulisan Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei, Dr. Rozan Yunos, (Penerbit: Persatuan Sejarah Brunei & Qasrun Nafis Publishing House) dengan tajuk 'The Golden Warisan Brunei Darussalam'; 'The Golden Heritage Brunei Darussalam' dan 'Kingship & Monarchy in The Brunei Sultanate'.

**>> Muka 6**

# Kongsi amalan terbaik, perkukuh hubungan antara parlimen

**Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Ahli Majlis Kebangsaan dan Pengerusi Delegasi Parlimen Switzerland ke Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA) dan Kesatuan Eropah (EU), Yang Berhormat Thomas Aeschi.

Rombongan Parlimen Switzerland turut disertai oleh Duta Besar Switzerland ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Frank Grütter dan Timbalan Ketua Perwakilan di Kedutaan Besar Switzerland di Republik Singapura, Dr. Regula Kurzbein.

Perbincangan antara kedua-dua pihak menyentuh isu-isu yang mencerminkan keprihatinan dan kepentingan bersama, termasuk peranan institusi perundangan serta peluang kerjasama antara kedua-dua pihak dalam pelbagai bidang.

**>> Muka 5**

# Al-Quran perkuatkan akal, minda hadapi cabaran kehidupan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Al-Quran bukan sahaja diturunkan sebagai panduan, tetapi juga merupakan terapi semula jadi untuk kesihatan mental dan emosi.

Dalam dunia moden yang penuh tekanan, stres dan keresahan menjadi penyakit biasa. Kajian sains menunjukkan bahawa otak manusia akan menjadi tidak stabil apabila berada dalam keadaan tertekan.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



MPK Telisai anjur Majlis Sambutan Hari Raya

**Muka 9**



ASTERAWANI memeriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

**Muka 12**



MEMPERKASAKAN pengetahuan mengenai prospek kerjaya dalam sektor pertanian

**Muka 18**




MANFAATKAN sepenuhnya pengajian perniagaan dari rumah

**Muka 20**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI



# DPMM berkenan menerima mengadap

>> Muka 1

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.**

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.




## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | SYAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 | ISNIN | 22 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.27 | 7.37 |
| 22 | SELASA | 23 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 23 | RABU | 24 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 24 | KHAMIS | 25 | 4.41 | 4.51 | 6.11 | 6.33 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 25 | JUMAAT | 26 | 4.41 | 4.51 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |
| 26 | SABTU | 27 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |
| 27 | AHAD | 28 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 31 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 31 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 31 25 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

21 APRIL 2025

# Jaga sikap, keselamatan di jalan raya

**KESELAMATAN** di jalan raya merupakan hal yang sangat penting untuk diperhatikan oleh setiap orang. Keselamatan di jalan raya mencakupi berbagai aspek, mulai daripada peraturan lalu lintas, keadaan jalan hingga sikap pemandu.

Tetapi walaupun kita berhati-hati di jalan raya dengan mematuhi undang-undang jalan raya, kita tetap akan berhadapan dengan risiko yang merbahaya jika tidak ada sikap sedemikian pada pengguna jalan raya yang lain. Jelasnya keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab semua kerana ia sangat penting dalam mencegah terjadinya kecelakaan lalu lintas dan melindungi nyawa setiap individu yang berada di jalan.

Adalah malang jika masing-masing menunjukkan 'kekuatan' apabila berada di jalan raya semata-mata untuk menunjukkan kepada pengguna jalan raya yang lain akan kehebatan masing-masing. *Road bully* kadang-kadang menjadi bualan ramai apatah lagi apabila disebarkan melalui aplikasi TikTok atau Instagram dan juga Facebook. Biasanya kejadian seperti ini akan mendapat perhatian ramai jika terjadi sesuatu perkara yang mana melibatkan pengguna jalan raya lain. *Road bully* ini seolah-olah paling cekap di jalan raya meskipun sebenarnya mereka boleh mencelakakan orang lain dengan sikap mereka yang kurang ajar, tidak menghormati pengguna jalan raya lain serta tidak mematuhi undang-undang di jalan raya. Sikap seperti ini perlu dikikis kerana jalan raya adalah hak bersama dan masing-masing punya hak untuk menggunakannya.

Selain itu juga, sikap pemandu yang tidak peka dan tidak berasa bersalah dengan membawa lebih muatan juga perlu diambil tindakan. Kita sering melihat atau berhadapan dengan kenderaan berat yang membawa lebih muatan seperti pasir, kayu-kayu yang dipotong atau barang-barang perabot rumah yang dibawa dengan banyak tanpa dikemaskan dan diikat mengikut prosedur keselamatan yang sepatutnya agar barang-barang tersebut tidak terjatuh mengenai pengguna jalan raya lain. Oleh itu, jika awda terserempak atau terlihat kenderaan sedemikian, awda boleh hubungi TD123 untuk melaporkannya dan awda boleh hantar gambar kenderaan berkenaan dengan nombor plat kenderaan yang jelas dan menyatakan lokasi kejadian. Tindakan serta sikap bertanggungjawab awda sekurang-kurangnya dapat membantu mencegah bahaya agar tidak terjadi kecelakaan yang tidak diingini yang boleh meragut nyawa.

Selain itu, kenderaan berat yang membawa muatan melebihi had dibenarkan menjadi punca utama kerosakan jalan raya. Truk dengan muatan berlebihan dapat merosak infrastruktur jalan yang boleh membahayakan pengguna jalan. Beban yang berlebihan dapat menyebabkan retak, lubang, atau kerosakan pada permukaan jalan. Keadaan ini bukan hanya merugikan bagi pemandu lainnya, tetapi juga memberi kesan pada peningkatan biaya untuk membaiki jalan yang rosak.

Marilah kita sama-sama beringat, berwaspada serta bertanggungjawab ketika berada di jalan raya. Pastikan kita mengutamakan keselamatan dan berdoa serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dilindungi daripada mara bahaya. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

# BRUNEI DPMM FC TUMPASKAN ALBIREX NIIGATA FC (S) 3-0





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Singapura (Liga S) (kiri dan kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 April. - Brunei DPMM FC menang mudah di hadapan penyokong sendiri setelah berjaya menumpaskan Albirex Niigata FC (S) dengan jaringan 3 - 0 pada perlawanan Liga Singapura (Liga S) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Separuh masa pertama menyaksikan Albirex Niigata FC (S) lebih mendominasi permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan namun gagal menjaringkan gol.

Pasukan tuan rumah akhirnya memecah kebuntuan pada minit ke-34 apabila pemain import Brunei DPMM FC, Davis Ikaunieks berjaya mendahului permainan dengan menyumbangkan jaringan gol pertama bagi pasukan berkenaan.

Kedudukan 1 - 0 kekal hingga tamat separuh masa, sekalipun Brunei DPMM FC kerap mencipta beberapa peluang untuk menambahkan jaringan sebelum tamat babak pertama.

Bersambung babak kedua, Brunei DPMM FC sekali lagi membolosi gawang Albirex Niigata FC (S) pada minit ke-47 melalui sepakan Muhammad Hakeme Yazid bin Said menjadikan kedudukan 2 - 0.

Pada minit ke-61, Brunei DPMM FC menjaringkan gol ketiga setelah Davis Ikaunieks menyempurnakan sepakan penalti yang tajam, susulan dari Muhammad Azwan bin Ali Rahman dijatuhkan oleh pasukan lawan.

Kedudukan 3 - 0 bagi Brunei DPMM FC kekal hingga di wisel penamat sambil menambah tiga mata penuh bagi mengumpul 29 mata dalam Liga S.

Pertemuan seterusnya Brunei DPMM FC di gelanggang luar menentang Geylang International FC pada 29 April nanti.



**TURUT berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri).**







**AKSI para pemain pada perlawanan berkenaan (atas dan atas sekali). Manakala gambar kiri, antara yang hadir menyaksikan perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

# BERKENAN SERTAI DUATHLON CHALLENGE 2025






YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan dijunjung bergambar ramai pada perlumbaan tersebut (atas dan kiri).

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Foto : Ihsan Kelab Rekreasi Brunei Shell**

**BELAIT**, Ahad, 20 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Larian Hayam Man Duathlon Challenge 2025, pagi tadi.

Dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait dengan kerjasama Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC), acara tersebut diadakan di BSRC, di sini.

Hampir 100 orang menyertai perlumbaan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Lelaki Terbuka, Kategori Wanita Terbuka, Kategori Lelaki Veteran dan Kategori Relay.

Larian Hayam Man Duathlon Challenge 2025 yang julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk mempromosikan cara dan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan Daerah Belait sebagai destinasi riadah yang menarik dan sesuai untuk pelbagai jenis sukan dan aktiviti.

# Muhibah Silaturahim Aidilfitri memperkukuh jalinan silaturahim

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Muhibah Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Mantan / Warga Penerangan yang berlangsung di Hotel Jeruton, Jerudong.**




**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG**, Ahad, 20 April. - Mantan dan warga Penerangan (masih berkhidmat) juga tidak ketinggalan bagi bersama-sama memeriahkan suasana Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal dengan mengadakan Majlis Muhibah Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Mantan / Warga Penerangan yang telah berlangsung di Hotel Jeruton, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga merupakan mantan Pengarah Penerangan.

Juga hadir, mantan-mantan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Abdullah selaku Penasihat; dan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku Pengerusi Bersama.

Seramai 70 warga Jabatan Penerangan terdiri daripada mantan-mantan warga Penerangan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang berkhidmat dan telah bersara serta yang berpindah ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain menghadiri majlis berkenaan.

Majlis yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Penasihat Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar, diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Penganjur, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim dalam ucapannya menjelaskan bahawa Majlis Muhibah Silaturahim adalah merupakan kali keempat dianjurkan dengan Majlis Pertama diadakan pada 2019, kedua pada 2021 dan ketiga pada 2024.

Awang Haji Ja'afar seterusnya berkata, naratif majlis berkenaan diadakan adalah sebagai platform dan medium untuk memperkukuh jalinan ikatan persahabatan, mengeratkan silaturahim serta hubungan mesra dan harmoni dalam kalangan kerabat mantan Penerangan dan warga Penerangan.

"Majlis pagi ini secara langsung telah menjadi landasan ke arah membina satu semangat setia kawan yang erat lagi akrab. Melalui pertemuan tidak rasmi seperti ini juga telah mewujudkan suasana kemesraan dan memupuk semangat kerjasama serta sebagai ruang bagi para mantan Penerangan dan warga Penerangan yang masih berkhidmat serta keluarga masing-masing dengan keikhlasan hati menghulurkan tangan masing-masing untuk bermaaf-maafan," ujar beliau lagi.



# Kongsi amalan terbaik, perkukuh hubungan antara parlimen



**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan hormat daripada Ahli Majlis Kebangsaan dan Pengerusi Delegasi Parlimen Switzerland ke Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA) dan Kesatuan Eropah (EU), Yang Berhormat Thomas Aeschi (atas dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan, rombongan juga mengadakan lawatan ke Dewan Persidangan MMN.**

**>> Muka 1**

Perjumpaan ini turut membuka ruang bagi kedua-dua pihak untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam memperkukuh hubungan antara parlimen secara lebih meluas.

Turut hadir dalam majlis yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis itu ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah serta Ahli-Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Rombongan juga berpeluang untuk melawat ke Dewan Persidangan MMN bagi memahami dengan lebih lanjut suasana dan tatacara persidangan yang dijalankan di institusi perundangan negara ini.

**Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto: Mohamad Azmi Haji Awang Damit**





# LATIHAN PENUH BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Sabtu, 19 April. – Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi akan berlangsung selama tiga malam berturut-turut bermula pada hari Selasa malam Rabu, Rabu malam Khamis dan Khamis malam Jumaat, bersamaan 22, 23 dan 24 April 2025 Masihi atau 24, 25 dan 26 Syawal 1446 Hijrah. Acara tersebut akan diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dan akan bermula pada pukul 7.15 malam dengan membawa tema 'Akal Sihat Dengan Al-Qur'an'.

Bagi memastikan kelancaran perjalanan majlis, satu latihan penuh telah diadakan bertempat di dewan yang sama. Latihan tersebut turut disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; serta Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad, Kapten Mohammed Alexirwan bin Haji Omar.

Turut hadir menyaksikan latihan tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap kementerian-kementerian yang berkaitan serta ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang terlibat dalam penganjuran majlis.

Antara peserta Qari yang akan bertanding dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini ialah Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, dan Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Manakala peserta Qariah yang akan menyertai pertandingan ini ialah Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, Dayangku Amal Hazirah binti Pengiran Haji Jofri, Dayang Nur Rodaah binti Haji Asmat, dan Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M ini dikendalikan secara bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad.



**HADIR menyaksikan latihan penuh musabaqah tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.**

# Al-Quran perkuatkan akal, minda hadapi cabaran kehidupan



**MENYERTAI Malam Munajat Kali Ke-179 ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Dengan membaca Al-Quran dapat membantu mengembalikan keseimbangan. Al-Quran menghubungkan rohani dan jasmani secara harmoni. Menjadikan Al-Quran sebagai amalan harian secara tartil, bertajwid dan tadabbur bukan sahaja menyihatkan jiwa dan rohani, malah memperkuatkan akal dan minda untuk menghadapi cabaran kehidupan.

Perkara tersebut antara yang disampaikan dalam tazkirah bertajuk 'Akal Sihat Dengan Al-Qur'an' oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim, dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit bagi menyerikan lagi acara Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-179 pada malam tadi.

Acara Munajat mengundang Tetamu Khas, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Juga menyertai Malam Munajat pada kali ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menyemarakkan acara Munajat malam tadi ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok dan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Menyerikan lagi ialah pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja. Juga, warga kerja KKBS, dan KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Jabatan Pengajian Islam, Awang Mohammad Ayob bin Ali, iaitu Peserta Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 2025 dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Metassim yang juga peserta Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 2025 dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Pelajar Lanjutan Bayyati, Awang Muhammad Nurhidayatullah Al-Mu'min bin Awang Rossnan, dan Pelajar Lanjutan Soba, Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Jabatan Pengajian Islam, Awang Abdul Hakim bin Amir, dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Adzid @ Haji Abdul Majid yang juga peserta Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 2025 dari Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakan dan mengamiinkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu*.

# 6 BUKU TERBITAN PESEBAR DILANCARKAN



**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB) hadir selaku tetamu khas bagi menyempurnakan pelancaran buku pada Majlis Pelancaran Buku yang diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PESEBAR bertempat di Dewan Jawatan Dalam, PSB (kiri dan kanan).**



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Manakala dua buah buku adalah tulisan Setiausaha Agung Persatuan Filatelik Brunei, Dr. Bakar Berudin, (Penerbit: Persatuan Filatelik Brunei) iaitu 'Brunei The History of Postal Services and Stamp Issues 1895–1906' dan 'Brunei Postal History of Definitive Issues of Brunei Stamps 1907–1974' dan sebuah lagi 'The Voices of Bruneian Women' adalah hasil tulisan Pemangku Penolong Setiausaha Kehormat PESEBAR, Zaviera Jayn Julahi, (Penerbit: Qasrun Nafis Publishing House).

Terdahulu, Pengerusi Majlis, Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dalam ucapan alu-aluannya berkata, buku-buku yang akan dilancarkan ini mengandungi ilmu-ilmu sejarah dan adalah penting bagi ilmu-ilmu sejarah ini diperluaskan lagi supaya ia memberikan berkat.

Sebagaimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Guru pada 13 September 1998: *"Kita mesti cari keberkatan di dalam ilmu, apa jua jenis ilmu: ilmu agama, ilmu sains, ilmu sejarah, ilmu ekonomi, ilmu politik dan lain-lain. Keberkatan dalam ilmu-ilmu itu akan membawa kebahagiaan kepada semua, sebaliknya jika tiada keberkatan, maka itulah agaknya yang memporak-perandakan dunia ini."* Pada tahun yang sama, baginda juga bertitah bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda: *"Adapun orang yang menerima sejarah itu patriot, sementara yang ambil iktibar daripadanya adalah orang-orang yang bijaksana."*

PESEBAR, jelas beliau, dalam usahanya untuk menyemarakkan lagi pengajian sejarah memang berusaha supaya lebih ramai belia akan turut serta di dalam PESEBAR. Pada masa kini, empat daripada 12 ahli Jawatankuasa Kerja PESEBAR adalah terdiri daripada belia berumur di bawah 30 tahun.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan resensi buku oleh Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dan diteruskan dengan penyampaian cenderamata berupa buku yang baru dilancarkan kepada tetamu khas dan wakil daripada PSB.

Majlis Pelancaran turut diserikan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1446/2025 yang diraikan bersama antara PESEBAR dan pegawai-pegawai dan kakitangan PSB.

Enam buah buku baharu yang dilancarkan ini dijual dengan potongan harga sehingga 15 peratus semasa majlis berlangsung. Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan buku-buku berkenaan, bolehlah menghubungi Qasrun Nafis Publishing House melalui talian +673 7235010 atau Instagram rasmi *qnph.bn*.

# Aidilfitri peluang saling bermaafan, eratkan silaturahim



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (kiri dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**BERAKAS**, Ahad, 20 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus disemarakkan oleh pelbagai pihak di negara ini meskipun hanya tinggal seminggu lagi sebelum berakhirnya Syawal.

Dalam memeriahkan lagi sambutan berkenaan, para jemaah haji bagi tahun 2024 yang mengikuti pakej haji di bawah Darussalam Holdings Sendirian Berhad bersama-sama berkumpul dan bersua muka dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jemaah-jemaah Haji Tahun 2024 bagi tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah yang diadakan di Dewan Mahligai, Airport Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyerikan majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri.

Kira-kira 176 jemaah haji tahun 2024 hadir bersama keluarga masing-masing pada majlis berkenaan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada keluarga jemaah haji yang telah kembali ke rahmatullah.

Di samping menikmati pelbagai juadah dan jamuan Hari Raya, majlis berkenaan juga dimeriahkan dengan beberapa persembahan lagu Hari Raya daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja sambutan termasuk bertukar-tukar hadiah dan menyaksikan tayangan video kenang-kenangan Musim Haji Tahun 2024 yang lalu.

Tetamu kehormat turut bersilaturahim bersama para jemaah haji yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis seumpamanya dihasratkan untuk saling mengeratkan silaturahim dan peluang bermaaf-maafan serta beramah mesra bersama para jemaah yang hadir.

# MAJLIS RAMAH MESRA HARI RAYA AIDILFITRI PERKUKUHKAN UKHUWAH



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi dan seterusnya menyampaikan cenderamata penghargaan kepada imam dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Takmir (kanan dan bawah). Manakala gambar atas, antara yang hadir di majlis tersebut.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Mengimarahkan masjid bukanlah perkara yang mudah dan menjadi tanggungjawab Pegawai Masjid sahaja, akan tetapi juga kepada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Ahli Jawatankuasa juga amat penting dalam memberikan kerjasama serta melaksanakan sebarang aktiviti masjid bagi memperoleh kejayaan dan kecemerlangan.

"Kerjasama kedua belah pihak ini akan menjadikan masjid berjaya dalam mengungkayahkan pelbagai aktiviti takmir termasuklah berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu, dan lain-lain yang berhubung kait dengan ugama," jelas Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shari bin Awang Murat selaku Pengerusi Majlis pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung malam tadi di pekarangan Masjid Kampung Bunut.

Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya juga melahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir atas komitmen yang telah diberikan dan seterusnya berharap akan dapat meningkatkan lagi kerjasama, sokongan dan terus berusaha mentakmir ke arah memakmurkan dan mengimarahkan masjid.

Antara pengisian acara ialah penyampaian cenderamata penghargaan kepada imam dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Takmir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Majlis merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bunut; Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan; MPK Tasek Meradun/Bunut; dan MPK Madewa / Telanai.





# TIDAK BERCANGGAH DENGAN SYARAK, BERI MANFAAT PERPADUAN UMMAH

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Semarak Aidilfitri di Negara Brunei Darussalam secara lazimnya masih diteruskan dengan berdudun ke rumah terbuka bagi menghidupkan suasana Syawal Al-Mubarak hingga sebulan kecuali semasa negara dilanda wabak COVID-19 yang membuatkan keadaan sedikit berbeza pada ketika itu.

Meskipun kita meraikan kemeriahan Aidilfitri, namun banyak diambil kira sebagai pengajaran dalam semarak Aidilfitri tahun ini antaranya kita dianjur untuk sentiasa mengamalkan sifat pemaaf yang bermaksud menghilangkan sifat dendam dalam diri kita sendiri.

Andai sifat dendam tidak ada di dalam diri seseorang maka dunia pasti aman seperti kisah penaklukan pembukaan Kota Mekah kembali di tangan tentera Islam ketika itu hanya dengan menundukkan kepala (bukan sombong atau berbangga atas kemenangan Islam) tapi bertasbih memuji Ilahi, beristighfar memohon keampunan daripada Allah dan memaafkan orang yang sudah menyerah diri mereka kepada agama Allah, bukan berpesta-pesta atau bergembira dengan bermaksiat.

Demikian antara inti pati Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Hamzah bin Awang Haji Jali yang juga selaku Pegawai Haji dan Umrah, Syarikat Az-Zain Travel and Tours Sdn. Bhd., awal pagi tadi.

Tazkirah yang disampaikan sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah bersempena Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' berkenaan seterusnya menyatakan kecekalan 'Dakwah Ila Allah' tetap tersebar meskipun semarak Aidilfitri ini penuh dengan pelbagai kesibukan.

"Ini sangat penting bagi setiap orang Islam untuk tidak mensyirikkan Allah, iaitu sentiasa mengesakan Allah di manapun *kitani* berada kerana sememangnya agama Islam itu hendaklah berganding bahu ditinggikan setinggi-tingginya ke martabat yang paling tinggi.

"Satu kisah dari sahabat Tamim Ad-Dari Radiallahu Anhu menceritakan apa yang ia dengar langsung daripada Rasulullahyang mana agama Allah akan berterusan tersebar siang dan malam tanpa henti, Allah tidak akan tinggalkan satu rumah pun yang diperbuat daripada tanah liat mahupun diperbuat daripada bulu binatang, orang yang menerima Islam, dimuliakan oleh Allah dan orang tidak menerima Islam, maka Allah hinakan sehina-hinanya.

"Ber*bondong-bondong* orang penduduk Mekah masuk Islam kerana tentera Islam seramai 10 ribu orang yang dipimpin oleh Rasulullah membawa kedamaian dan kesejahteraan," katanya lagi.

Tazkirah seterusnya menekankan untuk sentiasa memperkukuh ukhuwah silaturahim, iaitu bukan sahaja dalam meraikan Aidilfitri akan tetapi selepas Hari Raya, dianjurkan untuk sentiasa diamalkan ke arah memperkukuh silaturahim sama ada mereka yang beragama Islam ataupun sebaliknya.

Oleh yang demikian tambahnya, Semarak Aidilfitri berkenaan diteruskan selagi tidak bercanggah dengan syarak dan selagi mana bermanfaat kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara ke arah perpaduan ummah.

Hadir pada acara yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di sini, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dan juga para jemaah masjid.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' berkenaan diungkayahkan dengan tujuan untuk mengajak orang ramai bersama-sama hadir bagi memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dalam menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu kerana sembahyang secara berjemaah berkenaan mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara persendirian.



**TAZKIRAH Subuh yang disampaikan oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).**

Selain itu, program berkenaan juga memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai meraih keberkatan dengan hadir ke masjid untuk menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang, sebelum memulakan langkah dengan keceriaan seharian.

# Memperkukuh keharmonian melalui sambutan Aidilfitri

**Berita dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diraikan oleh umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) begitu meriah dengan pelbagai bangsa tidak ketinggalan merayakannya.

Daripada makanan, persediaan dan sambutan Hari Raya, semua bangsa pelbagai peringkat usia meraikannya menunjukkan jalinan perpaduan yang kuat. Aidilfitri terbukti menjadi titik penyatuan buat semua bangsa tanpa mengira perbezaan agama dan latar belakang.

Sementara itu, dalam satu perkongsian bersama Pengarah Urusan Concepts, Vincent Pao yang juga tidak ketinggalan dalam sama - sama memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini bersama para kakitangan dan juga rakan-rakan media menjelaskan, dengan adanya perkongsian meraikan sambutan Aidilfitri ini, ia turut mempamerkan semangat kekitaan serta kasih sayang, menambahkan makna dan warna Aidilfitri sebagai bulan kemenangan buat umat Islam selepas sebulan berpuasa di bulan Ramadan.

Tambahnya lagi, meraikan perayaan Aidilfitri bagi masyarakat bukan Melayu dan bukan beragama Islam berkenaan bukan lagi menjadi perkara luar biasa bagi mereka kerana mereka juga turut sama teruja membuat persiapan untuk menyambut Syawal, sebagaimana umat Islam lain. Lagi pula, budaya dan amalan masyarakat Melayu termasuk dalam menyambut Ramadan dan Aidilfitri sudah sebati dalam diri mereka sekeluarga.

Jelas Vincent Pao lagi, Aidilfitri harus diraikan dengan penuh kesyukuran dan menjadi perayaan untuk memperkukuh ikatan persahabatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara tercinta ini daripada semua lapisan masyarakat kerana dengan adanya sikap saling menghormati dan memahami antara pelbagai bangsa adalah kunci kepada keamanan, keharmonian dan perpaduan kita selama ini.

"Sebagai rakyat dan juga penduduk di NBD ini yang bertanggungjawab dan mencintai keamanan, kita harus mengambil kesempatan pada setiap hari perayaan seperti Aidilfitri untuk mengukuhkan hubungan sesama kita.

Dikelilingi dengan kakitangan berbangsa Melayu dan beragama Islam juga menjadikan sambutan Aidilfitri buat saya, isteri dan keluarga begitu dekat, sehingga turut sama meraikannya dengan membuat persiapan menyediakan juadah pelbagai jenis setiap kali meraikan sambutan Aidilfitri selain juadah-juadah yang dibawa oleh kakitangan saya sendiri malahan anak dan menantu serta cucu saya juga begitu teruja dengan menyediakan pakaian baharu seperti Baju Cara Melayu dan Baju Kurung untuk menyambut Hari Raya ini," ujar Vincent Pao.

Mengakhiri pertemuan dan perkongsian pada hari yang penuh kegembiraan berkenaan, Vincent Pao juga berpendapat tradisi unik kita, iaitu mengadakan dan menghadiri rumah terbuka perlu dikekalkan kerana ia dapat membantu kita menghargai jiran dan kawan daripada pelbagai bangsa dan agama serta kita perlu bersyukur kerana dapat tinggal di dalam sebuah negara yang bebas dan aman ketika banyak negara lain berhadapan dengan kekacauan akibat politik, ekonomi dan perang.

Menurutnya lagi, begitulah kehidupan di negara tercinta kita ini kerana dengan adanya masyarakat berbilang bangsa ia turut sama mewarnai keceriaan dan kegembiraan Hari Raya walau berbeza warna kulit dan berlainan fahaman agamanya, perpaduan tetap menjadi tunjang utama untuk keharmonian bersama sekali gus membawa aura positif terutama dalam penjiwaan semangat keharmonian penduduk berbilang bangsa.

"Inisiatif seperti ini harus dipuji kerana ia juga boleh menjadi medan penyatuan semua bangsa di NBD yang sememangnya terkenal dengan tata budaya dan adat resam berbilang bangsa yang terpuji," ujarnya lagi.



**PENGARAH Urusan Concepts semasa menyertai sesi bergambar ramai pada sambutan Hari Raya.**

# Sumbangan bantu ringankan beban golongan memerlukan

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK**, Ahad, 20 April. - Seramai 100 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Kumpulan Muslimah Masjid, penduduk kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba dan penduduk yang terpilih telah menghadiri ke Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Orang-Orang Yang Tidak Berkemampuan Bagi RPN Rimba, Kawasan Zon 1, Kawasan Zon 2, Kawasan Zon 3, Kawasan Zon 4, Kawasan Zon 5 dan Kawasan Zon 6 yang terpilih.

Majlis yang diadakan di Masjid Universiti, Universiti Negara Brunei Darussalam (UBD), anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid tersebut dihadiri oleh Ketua Imam Masjid Universiti (UBD), Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini, selaku tetamu kehormat majlis juga menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Antara tujuan majlis diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para jemaah Masjid Universiti, menginfakkan harta bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin bagi penduduk Kampung RPN Rimba Kawasan Zon 1 hingga Zon 6.

Sumbangan yang diberikan merupakan bantuan keperluan asasi dan keperluan harian serta bantuan segi kewangan kepada asnaf fakir miskin yang terpilih.

Majlis tersebut akan dijadikan projek tahunan bagi masjid berkenaan.



**KETUA Imam Masjid Universiti hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima (atas dan bawah).**



# MPK TELISAI ANJUR MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Alishahrin Haji Mumin





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Kawasan Tapak Sukan Kampung Telisai (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**TUTONG**, Sabtu, 19 April. – Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih diraikan dengan suasana penuh meriah walaupun bulan Syawal hampir sampai ke penghujungnya.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Telisai hari ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Kawasan Tapak Sukan Kampung Telisai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan isteri.

Terdahulu sebelum majlis bermula, tetamu kehormat dibawa bagi melihat secara lebih dekat ke zon-zon yang disertai oleh penduduk kampung berkenaan.

Ketua Kampung Telisai, Awang Sofian bin Haji Md. Yusof selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya antara lain menjelaskan majlis berkenaan bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan persaudaraan dan silaturahim dalam kalangan penduduk-penduduk kampung tanpa mengira usia mahupun latar belakang.

Beliau seterusnya mengongsikan sambutan tahun ini melibatkan lima buah kampung di bawah tadahan Kampung Telisai yang mana setiap zon menyediakan menu masakan tersendiri.

"Ini menunjukkan budaya gotong-royong dan semangat kerjasama yang padu masih lagi diamalkan oleh penduduk-penduduk kampung. Apa yang diharapkan agar budaya ini akan terus disemai dan dikekalkan hingga ke generasi akan datang," jelasnya.

Majlis juga diserikan dengan persembahan dan penyampaian cenderahati yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan MPK Kampung Telisai dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dalam sama-sama memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidilfitri tahun ini.



# Makluman terkini mengenai peraturan, sekatan kemasukan ke Mekah sempena musim Haji

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa Kerajaan Arab Saudi melalui Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan telah mengeluarkan beberapa garis panduan dan makluman mengenai peraturan dan sekatan kemasukan ke Mekah bersempena dengan kedatangan Musim Haji 1446H / 2025M bagi menjamin keselamatan, keselesaan dan kelancaran pergerakan para jemaah serta memastikan pengurusan operasi ibadah Haji dilaksanakan secara tersusun dan teratur.

Peraturan bagi Jemaah Umrah yang Menggunakan Visa Umrah yang mana tarikh akhir kemasukan ke Kerajaan Arab Saudi bagi tujuan ibadah Umrah adalah pada Ahad, 13 April 2025 bersamaan 15 Syawal 1446; dan tarikh akhir keluar daripada Kerajaan Arab Saudi adalah pada Selasa, 29 April 2025 bersamaan 1 Zulkaedah 1446.

Sementara itu, bermula pada Selasa, 29 April 2025 bersamaan 1 Zulkaedah 1446 sehingga Selasa, 10 Jun 2025 bersamaan 14 Zulhijjah 1446, pengeluaran permit Umrah melalui aplikasi rasmi Nusuk akan ditangguhkan buat sementara waktu seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Dalam Negeri, Kerajaan Arab Saudi.

Kementerian Dalam Negeri, Kerajaan Arab Saudi seterusnya mengumumkan bahawa bermula pada Selasa, 29 April 2025 bersamaan 1 Zulkaedah 1446, individu yang memasuki Arab Saudi menggunakan sebarang jenis visa selain visa Haji adalah dilarang sama sekali untuk memasuki atau menetap di Mekah.

Ini termasuk visa pelancongan, visa lawatan keluarga, visa kerja, dan lain-lain visa bukan Haji.

Kementerian Pelancongan, Kerajaan Arab Saudi juga mengumumkan bahawa bermula 29 April 2025 bersamaan dengan 1 Zulkaedah 1446, semua hotel dan premis penginapan di Mekah dilarang menerima tetamu yang tidak mempunyai permit Haji atau permit kemasukan ke Mekah yang sah.

Mana-mana pengusaha hotel atau individu yang melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas di bawah Akta Pelancongan Arab Saudi.

Pihak Kerajaan Arab Saudi menekankan bahawa semua peraturan ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh semua individu serta organisasi yang berhasrat untuk berada di Mekah sepanjang musim Haji.

Semua agensi pelancongan, syarikat pengendali Umrah, dan pengusaha premis penginapan disarankan untuk mengambil langkah persediaan awal serta menyampaikan maklumat ini kepada pelanggan masing-masing.

Sebarang kegagalan untuk mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan yang ketat, termasuk penalti, pembatalan visa, dan larangan memasuki negara tersebut di masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, pihak Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah menyarankan agar individu yang berhasrat untuk menunaikan ibadah Umrah menggunakan visa pelancong sebelum 29 April 2025 bersamaan 1 Zulkaedah 1446H, untuk membuat tempahan permit melalui aplikasi Nusuk seperti yang telah disyorkan oleh pihak 'Tourism Centre', Kerajaan Arab Saudi.

Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kesulitan semasa ketibaan di Mekah, khususnya sebelum memasuki musim Haji.



PELITA BRUNEI

# PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL PERLU PENDEKATAN HOLISTIK, KOLABORASI BERSEPADU

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan mewakili Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan ucapannya (atas dan kanan).



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Muhammad Khalifah bin Haji Ismail semasa membacakan teks ucapan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Garif menzahirkan kesyukuran atas pencapaian warga Kementerian Kesihatan khususnya melalui usaha sama Unit Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat yang telah pun mengusahakan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia sepanjang tahun bermula dari Oktober 2023 sehingga Oktober 2024.

Dengan menggabungkan kedua-dua tema di atas tadi, jelasnya, ia telah berjaya diungkayahkan ke 12 buah kementerian dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

"Pencapaian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa penglibatan dan komitmen dari setiap kementerian yang menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir untuk menjayakan program ini", katanya selaku tetamu kehormat yang mewakili Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Garif pada Majlis Penghargaan Rakan Pelaksana Jerayawara Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi, berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Menurut Pengiran Dr. Haji Muhammad Khalifah, jerayawara tersebut juga telah diberikan sokongan padu daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama (khususnya Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama), Bahagian Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam, Persatuan Bulan Sabit Merah, Baiduri Bank Sdn. Bhd. dan Clarity Sdn. Bhd.

Kerjasama itu katanya, selari dengan hakikat bahawa memacu kesihatan mental yang baik adalah tanggungjawab semua pihak dan bukanlah terhad kepada Kementerian Kesihatan sahaja.

Tambahnya, inisiatif bersama itu telah memuatkan pameran serta beberapa sesi taklimat yang mengetengahkan topik-topik yang berkaitan dengan kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan daripada perspektif Islam dan Sains, khususnya di tempat kerja.

Beliau berharap topik-topik yang telah dibincangkan akan dapat memberi manfaat bukan hanya kepada individu yang menghadiri jerayawara malahan organisasi dan tempat kerja dalam perihal kepentingan penjagaan kesihatan mental dan sokongan yang perlu diberikan bagi mereka yang memerlukan bantuan dan juga sebagai langkah pencegahan awal kepada warga perkhidmatan awam yang lain.

Maklum balas yang telah diterima telah pun menunjukkan pencapaian yang memuaskan, di mana lebih daripada 80 peratus daripada mereka merasakan objektif-objektif jerayawara tersebut telah tercapai.

"Kita bukan sahaja ingin meraikan kejayaan kerjasama yang telah terjalin, malahan untuk mengukuhkan lagi ikatan dan komitmen kita dalam memperkukuhkan lagi agenda kesihatan mental di negara kita.

Kita semua sedar bahawa isu dan penjagaan kesihatan mental adalah satu isu yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang holistik, bersepadu serta kolaborasi yang erat di antara pelbagai pihak," ujarnya.

Tambahnya, kerjasama yang telah kita bina selama ini antara agensi - agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta adalah bukti nyata bahawa apabila kita berganding bahu, kita mampu mencapai impak yang lebih besar dan bermakna.

Setiap sumbangan, sekecil mana pun katanya, adalah amat berharga dalam usaha kita untuk meningkatkan kesedaran, mengurangkan stigma, diskriminasi dan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti ke arah meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan seluruh masyarakat.

Pengiran Dr. Haji Muhammad Khalifah seterusnya menekankan, adalah sangat penting untuk kita berterusan saling bertukar pandangan, berkongsi pengalaman dan merancang langkah-langkah strategik yang lebih inovatif dan berkesan, dengan belajar daripada kejayaan dan cabaran yang telah kita hadapi, serta sentiasa terbuka kepada idea-idea baharu yang dapat memperkasakan lagi usaha kita dalam bidang kesihatan mental.

Beliau percaya, dengan semangat kerjasama yang berterusan dan komitmen yang cekal, kita akan dapat mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong dan inklusif bagi individu yang mengalami masalah kesihatan mental (khususnya di tempat kerja) ke arah kesejahteraan mental seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Adapun acara tersebut merupakan kemuncak (penutup) bagi jerayawara ke kementerian - kementerian sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023/2024.

Majlis Penghargaan itu turut diselajurkan dengan pengagihan Buku Panduan Doa dan Zikir: Amalan dan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi, yang diterbitkan hasil kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), dengan sokongan penuh dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Jerayawara tersebut telah berjaya dilaksanakan di kesemua 12 kementerian, bermula dari bulan Oktober 2023 hingga Oktober 2024. Jerayawara yang bertemakan 'Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi' merupakan hasil kerjasama di antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (khususnya Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama - KAFA), setiap kementerian sebagai Tuan Rumah serta dikendalikan bersama dengan sokongan padu daripada Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, JPA; Baiduri Bank; Brunei Gas Carrier; Persatuan Bulan Sabit Merah; dan Clarity Sdn. Bhd. yang turut mengadakan pameran semasa jerayawara tersebut.

Jerayawara berlangsung selama setahun itu diungkayahkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pencegahan dan pengurusan kesihatan mental; membarigakan kepentingan penjagaan kesejahteraan diri; serta berhasrat untuk mengurangkan stigma, serta pandangan negatif terhadap kesihatan mental di tempat kerja khususnya dalam kalangan warga perkhidmatan awam.

Pada masa yang sama, ia juga diharap untuk menjadi satu platform bagi orang ramai, khususnya penjawat awam, untuk berinteraksi secara terbuka dan bebas daripada stigma bersama ahli-ahli profesional Kesihatan Mental.

# Mempererat silaturahim, permuafakatan melalui Ramah Mesra Aidilfitri

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Dalam mempereratkan silaturahim dan mengukuhkan permuafakatan, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, Kawasan 4 dan Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau petang tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri.

Majlis berlangsung di Dewan Muafakat Peladang, Kampung Tanah Jambu, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidun bin Mohd. Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Majlis juga diserikan dengan beberapa persembahan daripada Ahli-ahli MPK Kawasan 2, Kawasan 4 dan Kawasan 5, RPN Kampung Panchor Mengkubau dan juga cabutan nombor bertuah.

Adapun majlis berkenaan diadakan adalah bagi bermaaf-maafan serta memperkukuh lagi silaturahim yang sedia terjalin.





SUASANA pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri yang diadakan di Dewan Muafakat Peladang, Kampung Tanah Jambu (atas dan kiri).




# كسن دان عقيبة لالاي ممباير هوتڠ

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كبهاڬيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أڬام كيت مڠاجر أومتڽ باݢايمان جارا مڠوروس ڤنداڤتن دان ڤربلنجأن دڠن بتول يأيت دڠن برسدرهان. كران ايت، جك كيت مڠحياتي دان مڠيكوتي اجرن أڬام كيت دالم سؤال بربلنجا دان جارا مڠوروس ڤنداڤتن، مك سوده ڤستي كيت تيدق اكن ترجبق دان تربلڠڬو دالم ببن هوتڠ يڠ بايق. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الفرقان أية ٦٧:

تفسيرڽ:

**دان مريك يڠ اڤبيل ممبلنجاكن هرتا، مريك تيدق برلبيه-لبيهن دان تيدق جوݢ بخيل دان (سباليقڽ) ڤربلنجأن مريك ايت اداله سدرهان انتارا كدوا-دواڽ.**

والاوڤون أڬام كيت تيدق ملارڠ أومتڽ برهوتڠ اكن تتاڤي برهوتڠ ايت بوكنله سواتو ڤركارا يڠ دڬالقكن. كران ايت، أڬام كيت منصيحتكن أومتڽ اڬر منجاوهكن ديري درڤد برهوتڠ. اكن تتاڤي سكيراڽ كيت ترڤقسا جوݢ برهوتڠ، مك كيت هندقله برنية دان برعزم اونتوق ممباير هوتڠ ترسبوت. بوكن سوينڠ-وينڠڽ برهوتڠ، اكن تتاڤي اڤبيل تيبا ماس اونتوق ممبايرڽ ڤولا، كيت سلالو برتڠڬوه-تڠڬوه دان اد كلاڽ لڠسوڠ تيدق ماهو ممباير سهيڠڬ مڽببكن ڤركلاهين دان ڤرموسوهن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

اداله منجادي كواجيڤن باݢي اورڠ يڠ برهوتڠ اونتوق ممباير هوتڠڽ، اكن تتاڤي تيدق دنافيكن ترداڤت جوݢ سكلينتير اورڠ يڠ برهوتڠ دان تيدق داڤت ممباير هوتڠڽ دسببكن سومبر كواڠن يڠ كورڠ منچوكوڤي.

والاو باݢايماناڤون مريك هندقله سنتياس برأوسها دان منچاري إختيار اونتوق منجلسكن سموا هوتڠ يڠ اد. اين كران، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اكن ممبري كمودهن دان ڤرتولوڠن كڤد اورڠ-اورڠ يڠ إيڠين ملونسكن اتاو ملڠسيكن هوتڠڽ. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **من أَخَذَ أَموالَ النَّاس يرِيدُ أَداءها أَدَّى الله عنه ومن أَخَذَ يرِيدُ إِتْلافَها أَتْلَفَهُ الله.**

مقصودڽ:

**سياڤ يڠ مڠمبيل هرتا مأنسي (برهوتڠ) دسرتاٴي مقصود اكن ممبايرڽ مك الله اكن ممبايركنڽ اونتوقڽ، سباليقڽ سياڤ يڠ مڠمبيلڽ دڠن مقصود مروسقڽ (مروڬيكنڽ) مك الله اكن مروسق اورڠ ايت. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا اد مپاتاكن بهاوا اورڠ يڠ ممڤو ممباير هوتڠڽ اكن تتاڤي دڠن سڠاج منوندا-نوندا اتاوڤون ملڠه-لڠهكن ممباير هوتڠ ترسبوت دڠن ممبريكن ڤلباڬاي ألسن سدڠكن اورڠ ايت ممڤو اونتوق ممبايرڽ مك ڤربواتن ايت اداله ساتو بنتوق كظالمن. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **مطْلُ الْغَنِيِ ظُلْم.**

مقصودڽ:

**منوندا-نوندا ڤمبايرن هوتڠ باݢي اورڠ يڠ تله ممڤو ممبايرڽ اداله سواتو كظالمن. {حديث رواية إمام بخاري}**

ڤرلو دكتهوي، بهاوا ڤربواتن منظالمي سسام مأنسي دڠن تيدق ممباير هوتڠ مروڤاكن انتارا ڤركارا يڠ بوليه منجحسكن كهرمونين دالم هيدوڤ بركلوارݢ دان برمشاركت. اي مروڤاكن انتارا ڤونچا أوتام برلاكوڽ ڤرتڠكرن دان ڤرموسوهن سام اد سسام أهل كلوارݢ، أديق برأديق، سودارا مارا، صحابة هنداي، جيرن تتڠݢ دان سأومڤامڽ.

سسوڠڬوهڽ اورڠ يڠ مڠابايكن كواجيڤن ممباير هوتڠ سدڠكن دي ممڤو ملونسكنڽ مروڤاكن ساتو دوسا يڠ تيدق اكن دأمڤونكن والاو باݢايمان صالح دان ورع سكاليڤون اورڠ يڠ برهوتڠ ايت. سهيڠڬاكن اورڠ يڠ ماتي شهيد كران برجهاد دجالن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، يڠ دجنجيكن ڤڠأمڤونن دان كنجارن شرݢ ڤون تيدق اكن داڤت ملڤسكنڽ درڤد دوسا منڠڬوڠ هوتڠ. اين كران أوروسن هوتڠ برسڠكوت دڠن حق سسام مأنسي. درڤد عبدالله بن عمرو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، بهاوا رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **يُغْفَرُ للشَّهيد كُلُّ ذَنْب إلاَّ الدَّين.**

مقصودڽ:

**سأورڠ يڠ ماتي شهيد اكن دأمڤوني سڬل دوسا-دوساڽ كچوالي هوتڠ. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسأورڠ يڠ منيڠڬل دنيا سبلوم دي سمڤت ملونسكن هوتڠڽ اكن برهادڤن دڠن بهاي دماسوقكن كدالم أڤي نراك. اين كران سباڬاي كنتوه هوتڠڽ ايت، سڬل ڤهلا دان كباجيقن يڠ دلاكوكنڽ اكن دبريكن كڤد سي ڤميوتڠ دان جك بلوم منچوكوڤي، سڬل دوسا دان كسالهن يڠ دلاكوكن اوليه سي ڤميوتڠ ايت ڤولا اكن دڤيندهكن كڤد سي ڤڠهوتڠ ترسبوت. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: بارڠسياڤ يڠ مميليكي كظالمن ترهادڤ سوداراڽ، هندقله اي ممينتا دحلالكن، كران دينار دان درهم (دهاري قيامة) تيدق برڬونا، كظالمنڽ هاروس دبالس دڠن جارا كبايكنڽ دبريكن كڤد سوداراڽ، جك اي تيدق ممڤوڽاٴي كبايكن لاڬي، مك كجاهتن كاونڽ دأمبيل دان دڤيكولكن كڤدڽ. {حديث رواية إمام بخاري}**

سلاين ايت، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا اد مڠاجركن دعاء سوڤاي دليندوڠي دري هوتڠ. دالم سبواه حديث يڠ درواياتكن اوليه إمام أبو داود، **درڤد أبو سعيد الخدري رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بهاوا ڤد سواتو هاري رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ماسوق كدالم مسجد، تيبا-تيبا إي برتمو دڠن سأورڠ للاكي دري ڬولوڠن أنصار يڠ برڬلر أبو أُمَامَه، مك رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ممڠڬيلڽ دان برسبدا يڠ برمقصود: "واهاي أبو أُمَامَه اكو تيدق ڤرنه مليهت أڠكاو برادا ددالم مسجد ڤد بوكن وقتو سمبهيڠ" إي منجواب: "واهاي رسول الله اكو سكارڠ سداڠ دلندا دوك دان هوتڠ." رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كمودين برسبدا كڤدڽ: "ماهوكه اكو أجركن كڤد مو باچأن اڤبيل دعملكن، دوكچيتا مو اكن دهيلڠكن الله دان هوتڠمو اكن منجادي لونس؟" أبو أُمَامَه منجواب: "تنتوله واهاي رسول الله." رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا، "باچله دعاء اين اڤبيل كامو برادا ڤد وقتو صبح دان وقتو ڤتڠ:"**

**اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ**

مقصودڽ:

**"يا الله، سسوڠڬوهڽ أكو برليندوڠ كڤد أڠكاو دري كدوكأن دان كسديهن. اكو برليندوڠ كڤد أڠكاو دري صفة لمه دان مالس. اكو برليندوڠ كڤد أڠكاو دري صفة ڤڠچوت دان بخيل. دان أكو برليندوڠ كڤد أڠكاو دري ببن هوتڠ دان ڤنينداسن مأنسي."**

**أبو أُمَامَه رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بركات: "ستله ممباچ دعاء ترسبوت، الله مڠهيلڠكن كدوكأنكو دان داڤت ملونسكن هوتڠكو."**

أخيرڽ، سباڬاي ڤرإيڠتن كڤد كيت سموا اڬر تيدق ترجبق دڠن هوتڠ-ڤيوتڠ يڠ بايق مك كيت هندقله سقرتي كات ڤڤته **"مڠوكور باجو دبادن سنديري"**، جاڠنله كيت موده ترڤڠاروه دڠن بوديا هيدوڤ يڠ سربا ميواه كران كيت هيدوڤ ددنيا يڠ فانا اين بيارله برڤد-ڤد دان برسدرهان. اوليه يڠ دمكين، جاڠنله كيت ترلالو منوروت كات هاتي دان هاوا نفسو كران برهوتڠ ايت ميمڠله موده دان سنڠ اكن تتاڤي ممبايرڽ ڤولا اداله ساڠت سوسه.

تفسيرڽ:

**دان جك كامو سدڠ مسافر (لالو كامو برهوتڠ اتاو ممبري هوتڠ يڠ برتيمڤوه) سدڠ كامو تيدق منداڤتي ڤنچتت مك هندقله داداكن بارڠ جامينن اونتوق دڤڬڠ (اوليه اورڠ يڠ ممبري هوتڠ). جك سبهاڬين كامو ممڤرچيأي سبهاڬين يڠ لاين هندقله يڠ دڤرچيأي ايت منونيكن أمانهڽ (هوتڠڽ) دان هندقله دي برتقوى كڤد الله توهنڽ. دان جاڠنله كامو (سقسي-سقسي) ميمبوڽيكن ڤركارا-ڤركارا يڠ دڤرسقسيكن ايت دان سسياڤ يڠ ميمبوڽيكنڽ مك سسوڠڬوهڽ دي اياله اورڠ يڠ بردوسا هاتيڽ. دان الله مها مڠتهوي اڤ يڠ كامو كرجاكن. {سورة البقرة أية : ٢٨٣}**

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعنَا بِالْأيَاتِ والذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تلاوَتَه إِنَّه هُوالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَستَغفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسلمِين وَالْمُسلمات وَالْمُؤمنين وَالْمُؤمنات فَاستَغفِرُوهُ فَيا فَوزَ الْمُستغفِرين وَيانَجاةَ التَّائِبين.

PELITA BRUNEI

# ASTERAWANI MEMERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Hari Raya Aidilfitri kini memasuki minggu ketiga, namun kemeriahannya masih sahaja dirasakan di negara ini.

Aidilfitri masih diraikan dengan rumah terbuka, manakala jabatan-jabatan, institusi korporat dan pertubuhan bukan kerajaan juga mengadakan sambutan untuk warga mereka.

Sehubungan itu, Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) juga tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas, di sini.

Acara diisikan dengan persembahan deklamasi sajak, syair, puisi esei dan persembahan pentas yang dihadiri oleh ahli-ahli ASTERAWANI.

Antara yang turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab; Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Madya Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah; dan Ketua 2 ASTERAWANI, Awang Haji Md. Hussain bin Abdul Rahman.

Majlis berkenaan diadakan adalah sebagai usaha bagi merapatkan hubungan sesama ahli ASTERAWANI dengan DBP serta penggiat sastera, bahasa dan budaya bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Pada ketika ini, ASTERAWANI sedang giat menyelenggarakan projek penulisan puisi esei yang dicadangkan untuk dibukukan, yang merupakan lanjutan projek Bengkel Puisi Esei yang dikendalikan oleh ASTERAWANI pada Januari 2025 dengan sokongan DBP Negara Brunei Darussalam serta Badan Bahasa Sabah (Bahasa).





ANTARA yang hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas (atas dan bawah).






# PKWE DBM anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman







**PENGURUS Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh semasa menyampaikan ucapan alu-aluan (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir bersama memeriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di pusat tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Kemeriahan Syawal masih lagi dirasakan dengan pelbagai pihak terus meraikannya dalam suasana penuh meriah dan harmoni.

Sehubungan itu, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi kalangan ahli-ahlinya bertempat di pusat berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mantan Imam, Awang Haji Ghafar bin Haji Jeludin, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh.

Kemudian majlis diteruskan dengan lawatan ke pondok-pondok dan diserikan dengan persembahan Lagu Raya oleh gabungan enam buah pondok-pondok.

Acara seumpama ini adalah merupakan kegiatan tahunan PKWE dalam menyemarakkan lagi bulan Syawal.

Sambutan Hari Raya ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para ahli selain dapat menarik minat lagi warga emas yang lainnya untuk sama-sama menjadi ahli pusat berkenaan.

Pengurusan PKWE telah dijalankan oleh warga emas sendiri untuk terus bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan negara.

# PEMODA RAIKAN HARI RAYA AIDILFITRI



**PERSATUAN Motorsikal Darussalam (PEMODA) semasa mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Star Lodge Hotel.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ihsan Persatuan Motorsikal Darussalam**

**JERUDONG**, Sabtu, 19 April. - Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri terus diraikan dan tidak ketinggalan untuk bersama-sama meraikannya ialah Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) yang telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Star Lodge Hotel.

Acara yang dihadiri oleh lebih 190 ahli PEMODA itu dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Bendahari Agung PEMODA, Awang Haji Noor Aimee bin Haji Matamit.

Pada majlis itu, dalam ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad, beliau antara lain menyatakan menganjurkan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang bersifat keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, jelajah, keselamatan jalan raya dan kesukanan sama ada di dalam negara dan peringkat antarabangsa sejak PEMODA ditubuhkan pada tahun 1996 telah banyak melakar sejarah yang tersendiri.

"Ia merupakan kunci kejayaan serta peneraju hala tuju kepada pelaksanaan misi PEMODA iaitu untuk menyatupadukan penunggang-penunggang dan penggemar-penggemar motosikal berkuasa tinggi di Negara Brunei Darussalam dengan membentuk satu pasukan yang bermutu tinggi untuk menyertai dan sekali gus mewakili negara bagi acara permotoran di rantau ini dan antarabangsa," katanya lagi.

Tambahnya, sokongan berterusan daripada ahli-ahli serta kesinambungan kepimpinan pelopor-pelopor, mantan-mantan Yang Dipertua dan mantan-mantan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEMODA yang terdahulu.

Majlis turut dimeriahkan dengan pemotongan kek sempena Ulang Tahun PEMODA Ke-29 oleh Yang Dipertua PEMODA bersama pelopor-pelopor, Awang Saban bin Johari dan Awang Mohd. Shahminan bin Haji Besar serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi persatuan berkenaan.

Acara seumpamanya diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para ahli persatuan dan meraikan Aidilfitri dengan meriah.




# Program Persediaan Pekerjaan akan diadakan di setiap daerah

**Siaran Akhbar : Pusat Pekerjaan Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Sebagai kesinambungan daripada Program Akar Umbi bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung pada tahun lalu, Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri kini memperkenalkan inisiatif baharu untuk para pencari kerja agar lebih siap sedia dalam menempuhi alam pekerjaan melalui Program Persediaan Pekerjaan yang akan diadakan di setiap daerah.

Program bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing dalam pasaran kerja melalui bengkel dan aktiviti *team-building* yang menarik.

Pendekatan ini diharap dapat mengasah kemahiran asas yang penting seperti kepimpinan, semangat kerjasama berpasukan, dan komunikasi profesional.

Para peserta yang berminat untuk mengikuti program ini akan berpeluang untuk memahami secara lebih dekat, keperluan dan cabaran dalam pasaran kerja, di samping membina keyakinan diri melalui bimbingan praktikal berkaitan dengan Latihan Komunikasi dan Kemahiran Insaniah, Penyediaan CV dan Persediaan Temu duga yang akan disampaikan oleh Jurulatih Bertauliah Kerjaya (Career Coach) daripada Pusat Pekerjaan Brunei dengan kerjasama pakar - pakar daripada syarikat - syarikat pembekal latihan yang terpilih melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility-CSR).

Program selama satu hari ini akan diadakan pada Selasa, 29 April 2025 di Dewan Utama Kompleks Kemasyarakatan, Daerah Tutong dan dirancang akan dilaratkan ke daerah-daerah lain pada setiap bulan.

Pendaftaran bagi mengikuti program ini dibuka kepada orang awam, khususnya penduduk di Daerah Tutong. Permohonan boleh dibuat melalui pautan: *linktr.ee/PPBcareer* atau dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.

Bagi keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah mengikuti media sosial Instagram rasmi Pusat Pekerjaan Brunei @*jobcentrebrunei*.






**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**T / 001 / RBPF-HQ / 2025 – INSURAN**

Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Pegawai Dan Anggota Pangkat Rendah Serta Pegawai Dan Kakitangan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei Bagi Tempoh (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 20 Mei 2025.

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Sebut Harga:**
MOFE / Q / 2025 - 2

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Pembuangan Sampah Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Commonwealth Drive Bagi Tempoh 36 Bulan

**Yuran Tawaran/Dokumen:**
Percuma

**Tarikh Tutup:**
Sabtu, 26 April 2025.

**PEJABAT PEGUAM NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
PPN / ASET / BUU / CONTRACT / 2025 / 4 / 1

**Tajuk Tawaran:**
Provision Of Security Guard Services For Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 29 April 2025.

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 03 / 25 - 26 – Twenty-Four (24) Months Term Contract For The Full Maintenance Of All Air-Conditioning Units Under The Responsibility Of Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Yuran (Termasuk e-dokumen):**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Salinan Kertas (*Hardcopy*):**
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 30 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 002
Pembelian Outer Cover, Innertube Dan Flap Cover Bagi Kenderaan Handalan 4 Ton Serta Pemasangan, Wheel Balancing Dan Wheel Alignment

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 6 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Sebut Harga Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**
JPE / LTK / BPP / 080 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
Maintenance Of 10m To 15m Street Lightings For Mainroad For A Period Of Three (3) Years

**Tarikh Tutup:**
6 Mei 2025
Selasa,
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Basement Two (B2)
Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), seperti ROCBN, Sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' (COTC) / Estimated Chargeable Income (ECI) semasa menghantar dokumen ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**BDMD**
Brunei Darussalam Meteorological Department
**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan:**
The Supply, Delivery and Installation of Portable Kiosk Display For Brunei Darussalam Meteorological Department

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
30 April 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

**Kepada;**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga:**
ATELS / 2025 / SH-09

**Tajuk Tawaran:**
Supply, Delivery And Testing Of New Spare Radio Modem (RipEX) For Navigation Aids, Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
16 April 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
29 April 2025, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
30 April 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
01 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
24 April 2025.

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JDB / 1.1 / 2025 / PERSEMBAHAN KHAS / A / 2025

**Nama Projek:**
Sebut Harga Bagi Pakej Pengendalian Persembahan Khas Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Belait Tahun 2025.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
29 April 2025.

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
JBS / ADM / TDR / 05 / 2025

**Keterangan Tajuk Tawaran:**
Tawaran Iklan Bagi Restoran Kompleks Sukan Air Pantai Serasa, Muara

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
20 Mei 2025.

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0001 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply And Delivery Of Chemicals And Media For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Ductless Fume Hood With Double Layer Carbon Filter For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre Histology Laboratory, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Of Polymerase Chain Reaction Reagent Test Kits For Detection And Quantification Of Shrimp Viruses

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 8 Mei 2025.

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
08 / APR / 2025 / KKBS / PJK / 16.91

**Tajuk Tawaran:**
General Building Term Maintenance For A Period of Thirty-Six (36) Months For
1) Ministry of Culture, Youth and Sports Building;
2) Sinarubai Storage Area;
3) B18 Anggerek Desa Flat

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
29 April 2025.

**Bilangan Tawaran:**
07 / APR / 2025 / KKBS / PJK / 16.14 (18)

**Tajuk Tawaran:**
Kontrak Penggal (24 Bulan) Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (Bangunan, Letak Kereta, Jalanraya dan Kawasan) di Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
6 Mei 2025.

---

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

12pts

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**1. Bilangan Tawaran:**
(18) JBS / ADM /QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan Mesin Pengisar Kertas (Shredder Machine) Jenis "Heavy Duty" Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Prasarana & Estet Dan Bahagian Pentadbiran Cawangan Daerah Temburong

**2. Bilangan Tawaran:**
(19) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan Meja "Banquet Cocktail Table" Berserta Lapik Yang Berjahit

**3. Bilangan Tawaran:**
(20) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Kelengkapan Peralatan Aktiviti Perkhemahan Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan

**4. Bilangan Tawaran:**
(22) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Thirty Six (36) Months Term Contract For General Pest Control Services At Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
8 Mei 2025

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2024 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Pemasangan Alat Pendingin Hawa Di Dewan Serbaguna Blok E, Jabatan Perikanan

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
24 April 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0051 / 2024 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**
Replace, Supply And Install 150a Electrical Sea Water Intake Pump Control Panel And 400a MSB Panel At Keramut Sea Water Intake Pump Station

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
24 April 2025.

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 443 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Keempat Dan Terakhir**

**Nama Penghutang** - Shahminan Bin Haji Tengah (BYIC NO. 00-114890) **Alamat** - No. 38 A, Kampung Buang Tengkurok BJ2924, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 443 Tahun 2015 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar** – 5 Mac 2025 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:** 10 Mac 2025

**Kes No. BCY / CP / 243 / 13**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**Nama Penghutang** - Pg Hamdani Bin Pg Zainal (BYIC NO. 00-251023) **Alamat** - No.8, Jalan 2, Spg 34, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 243 Tahun 2013 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 32 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Ketiga **Bila kena dibayar** – 26 Februari 2025 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh:** 10 Mac 2025

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

**KES NO. BCY / CP / 144 / 2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**SARINAH BINTI ABD. HAMID**
BYIC No. 01-041479
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 Januari 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
SARINAH BINTI ABD. HAMID
No. 5, Spg. 342-22-14,
STKRJ Kg. Perpindahan Tungku
Gadong BE2519,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 29 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 20 Mac 2025

**KES NO. BCY / CP / 144 / 2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**SARINAH BINTI ABD. HAMID**
BYIC No. 01-041479
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Januari 2025. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 April 2025 jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 23 April 2025 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 20 Mac 2025

**NURULBILLAH AQILAH BINTI HAJI MOHD ALI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 307 / 2024**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**ABD RAHMAN BIN HAJI LATIF**
BYIC No. 00-274238
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Mac 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
ABD RAHMAN BIN HAJI LATIF
167 F-1,
Kampung Saba Tengah,
Bandar Seri Begawan, BR1726,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen:
14 Disember 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 26 Mac 2025

**KES NO. BCY / CP / 307 / 2024**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
…Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**ABD RAHMAN BIN HAJI LATIF**
BYIC No. 00-274238
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Mac 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1- 11), Mahkamah Besar pada 13 Mei 2025 jam 9:00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 13 Mei 2025 jam 9:00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 26 Mac 2025

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Makluman Iklan Lanjutan**

**Rujukan Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG / TA / 03
Pembelian Kenderaan Medium Truck Cargo GS 4 Tan

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **Selasa, 22 April 2025, jam 2.00 Petang.**

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
29 April 2025,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2024-2025 / 81 / UP / 19

**Tajuk Sebut Harga:**
Replacement Of Fitness Equipment And Rubber Flooring At Taman Peranginan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**
Khamis,
24 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemulihan Aset,
Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet,
Di Bangunan Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Blok 1 (B1), Tingkat 3
Flat Perumahan Kerajaan
Jalan Seri Beribi
Gadong BE1118,
Bandar Seri Begawan

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
KK / 74 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance And Repair Of Generator Set At Ministry Of Health

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

**Kelas:**

**Kategori:**
M03

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 76 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Microcuvettes And Quality Controls For Plasma Low / Hemoglobin Testing For Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 77 / 2025 / ESTETRIPASH

**Keterangan:**
Renovation And Conversion Of Toilet Facilities Into Pulmonary Function Test (PFT) Rooms At Specialist Building 1 In Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital (Re-Tender)

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan

**Kelas:**
II

**Kategori:**
KA01, B01, M01 & E01

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
22 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sanah 6 dari Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA pelajar Sanah dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) diraikan dalam Majlis Haflut Al-Takharruj Kali Ke-8. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SUASANA pada Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) 2.0 yang berlangsung di Sekolah Arab Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Rimba. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.





SALAH satu persembahan yang menarik dan penuh warna-warni semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SALAH sebuah persembahan yang begitu menyerlah semasa Konsert Persahabatan NBD-Viet Nam anjuran Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Kedutaan Republik Sosialis Viet Nam di Negara Brunei Darussalam, di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



PARA peserta yang menyertai acara Fun Run sempena Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026 anjuran Majlis Olimpik Asia (Olimpic Council of Asia - OCA) dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council - BDNOC). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



PELITA BRUNEI

# MEMPERKASAKAN PENGETAHUAN MENGENAI PROSPEK KERJAYA DALAM SEKTOR PERTANIAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



SESI bergambar ramai bersama alumni dan mahasiswa/i UNISSA semasa program Eksplorasi Kerjaya 4.0 ke Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Alumni dan Persatuan Alumni UNISSA telah menganjurkan Eksplorasi Kerjaya 4.0 ke Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seramai 40 orang yang terdiri daripada alumni dan mahasiswa/i UNISSA sertai program tersebut.

Antara tujuan program adalah untuk memperkasakan pengetahuan peserta mengenai prospek kerjaya dalam sektor pertanian, khususnya dalam industri padi tempatan, di samping membuka ruang kepada jaringan profesional dan pengalaman pembelajaran secara langsung di lapangan.

Eksplorasi Kerjaya ini terbahagi kepada dua sesi utama. Sesi pertama dimulakan dengan taklimat pengenalan oleh Juruekopertanian, Ketua Unit Pemindahan Teknologi, Ketua Bahagian Industri Padi, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awangku Abdul Muizz Al-Azim bin Pengiran Haji Abdul Halim yang mana mengongsikan mengenai gambaran menyeluruh mengenai fungsi dan hala tuju bahagian tersebut, termasuk dasar-dasar pembangunan industri padi negara, cabaran semasa serta peluang kerjaya yang tersedia.

Sesi ini turut diserikan dengan sesi soal jawab yang interaktif, membolehkan peserta mengemukakan persoalan dan mendapat maklumat secara langsung daripada pihak berkepentingan.

Sebagai tanda penghargaan, sesi taklimat diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha, Persatuan Alumni UNISSA, Rabi'atul Adawiah binti Azman kepada Awangku Abdul Muizz Al-Azim.

Sesi kedua pula merupakan lawatan ke tapak operasi semaian padi di JiaYuan Agricultural Trading Co., salah satu syarikat yang berada di bawah pemantauan Bahagian Industri Padi.

Sepanjang lawatan selama satu jam ini, peserta diberi peluang untuk melihat secara dekat proses penghasilan anak benih padi, kaedah pengurusan ladang moden, serta strategi penanaman yang mapan dan berdaya saing. Pengalaman ini membolehkan para peserta merasai sendiri suasana kerja di sektor agrimakanan, sekali gus menanam minat terhadap kerjaya dalam bidang pertanian moden.

Eksplorasi Kerjaya 4.0 bukan sahaja membuka minda para peserta tentang potensi bidang pertanian sebagai kerjaya masa hadapan, malah turut memberi inspirasi untuk menyumbang kepada pembangunan sektor makanan negara.

Diharapkan inisiatif sebegini dapat diteruskan secara berkala dan diperluaskan ke sektor-sektor lain yang strategik demi meningkatkan kebolehpasaran graduan UNISSA.

# Memperluaskan pemahaman berkaitan penggunaan tembakau, *vape*

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Sekolah-Sekolah telah meneruskan lagi Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Tatacara Tindakan Menangani Kesalahan Rokok Atau Vape bagi Peringkat Sekolah.

Hadir pada program tersebut ialah pegawai-pegawai dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, para Pemimpin Sekolah, Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, serta Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari sekolah-sekolah di bawah Kluster 2 yang diadakan di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Vape merupakan salah satu inisiatif Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kesedaran serta membendung gejala sosial yang melibatkan kesalahan disiplin pelajar berkaitan penggunaan rokok atau *vape* di persekitaran sekolah.

Program ini turut dilaksanakan sebagai usaha sokongan Kementerian Pendidikan terhadap inisiatif Cross Functional Teams for Health (CFT) 2022–2025 oleh Kementerian Kesihatan, khususnya dalam menyokong salah satu tindakan utama, iaitu Giving Every Child the Best Start in Life.

Program diisikan dengan sesi taklimat daripada Bahagian Penguatkuasa Kesihatan, Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan; Jabatan Kastam Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.




ANTARA taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasa Kesihatan, Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas dan kiri).

Antara objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang risiko kesihatan yang berpunca daripada penggunaan tembakau dan *vape* dengan memberikan pemahaman mengenai kesan negatif terhadap kesihatan dan prestasi akademik iaitu melalui pendekatan bimbingan serta pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sekolah yang berbentuk pendidikan dan kesedaran.

Selain itu, memperluaskan pemahaman khususnya kepada pelajar, ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), serta Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mengenai garis panduan dan tindakan pihak sekolah dalam menangani kesalahan berkaitan penggunaan tembakau dan *vape*.

Melalui program ini, adalah diharapkan agar pelajar, guru, ibu bapa, serta seluruh warga sekolah serta masyarakat secara amnya dapat memahami peranan masing-masing dalam menangani isu disiplin di sekolah yang melibatkan kesalahan penggunaan tembakau dan *vape*, serta tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kesalahan tersebut.

# TAMBAHAN TANPA KEBENARAN DIARAH ROBOH



PEMILIK premis diarahkan untuk merobohkan struktur dan menghentikan segala aktiviti di atas laluan tersebut oleh Pihak Berkuasa Perancangan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Seorang pemilik premis perniagaan di Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas telah didapati menggunakan sebahagian daripada laluan pejalan kaki awam di tepi premis untuk aktiviti perniagaan tanpa mendapat Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan.

Tindakan ini melanggar Seksyen 23(2) Perintah Perancangan Bandar dan Desa, 2015 (TCPO) kerana melibatkan perubahan guna tanah dan halangan ke atas ruang awam tanpa kelulusan terdahulu. Pencerobohan tersebut melibatkan penggunaan laluan pejalan kaki bagi pemasangan struktur kekal yang menjejaskan akses pejalan kaki dan keselamatan awam.

Hasil daripada siasatan, Pihak Berkuasa Perancangan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan telah mengeluarkan Notis Penguatkuasaan kepada pemilik premis untuk merobohkan struktur dan menghentikan segala aktiviti di atas laluan tersebut.

Pemilik premis telah mematuhi arahan yang diberikan dan laluan pejalan kaki kini telah dibersihkan daripada sebarang penggunaan tanpa kebenaran.

Orang awam diingatkan untuk sentiasa mematuhi undang-undang perancangan, khususnya Seksyen 23, yang memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh menjalankan sebarang pembangunan, pembahagian atau penggabungan tanah, atau menjalankan sebarang kerja dalam kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan.

Kegagalan untuk mematuhi boleh dikenakan denda tidak melebihi BND200,000, dan sekiranya kesalahan itu berterusan, denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari kesalahan tersebut diteruskan selepas sabitan.

Untuk sebarang aduan atau nasihat perancangan, orang awam boleh menghubungi talian Hotline Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di +673 8200222 atau melalui emel di *tcp.aduan@tcp.gov.bn*.

# Operasi Waspada kesan 6 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan



OPERASI Waspada 71/2025 yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh di Kampung Sungai Hanching (atas dan bawah).




Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. – Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 71/2025 di Kampung Sungai Hanching pada 12 April 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan pembinaan telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 10 Pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 63 Majikan gagal memberikan cuti rehat, Bab 64 Bekerja pada hari rehat, Bab 112(1) Menggaji pekerja asing tanpa Lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan dua kesalahan Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh landskap melakukan pekerjaan sebagai tukang kimpal dan majikan menjamin gagal memberikan pekerjaan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah. Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, tidak menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# Taklimat mempertingkatkan kesedaran tentang jenayah pemerdagangan orang



TAKLIMAT mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in persons) telah diadakan di Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar (PMB).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan taklimat mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in persons) khususnya kepada Pegawai dan Anggota Keselamatan berserta pekerja-pekerja Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar (PMB).

Taklimat mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang ini diadakan selama dua hari berturut-turut bermula dari 19 April 2025, di mana seramai 30 orang telah menghadiri taklimat tersebut yang terdiri daripada Pegawai dan Anggota Keselamatan PMB, PPDB termasuk agensi-agensi penguatkuasa undang-undang iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), dan Setia Protective Security Services (SPSS) Sdn. Bhd.

Hari kedua akan diadakan pada 21 April 2025 di mana taklimat yang sama akan diberikan kepada pekerja-pekerja Hengyi Industries Sdn. Bhd. di PMB.

Objektif utama taklimat ini adalah bagi bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang lebih dalam dan memahami secara lebih terperinci tentang elemen-elemen dan petunjuk-petunjuk di dalam penyiasatan jenayah pemerdagangan orang kepada pegawai barisan hadapan di PMB khususnya.

Antara perkara yang dibentangkan dalam taklimat ini termasuk *landmark cases* di mana kes-kes pemerdagangan orang yang telah berjaya dihadapkan ke muka pengadilan yang memenuhi semua indikasi unsur pemerdagangan orang yang telah disiasat oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia semenjak 16 Ogos 2011 di mana tertubuhnya unit ini.

Taklimat mengandungi topik utama mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang telah disampaikan oleh Timbalan Penguasa Polis, Dayang Hajah Anis @ Roszaffina binti Haji Ahmad, Ketua USPM, JSJ dan turut dibentangkan adalah memfokus kepada soalan-soalan tentang elemen dan petunjuk jenayah pemerdagangan orang dalam *case study* yang disampaikan.




# Manfaatkan sepenuhnya pengajian perniagaan dari rumah

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Ihsan Muhammad Alif Aiman Jais**

**MEMPUNYAI** latar belakang yang mengikuti jurusan perniagaan di Politeknik, Muhammad Alif Aiman bin Jais, 23 tahun memanfaatkan sepenuhnya pengajian yang diikuti dengan membuat perniagaan dari rumah yang memfokuskan produk kraf tangan tempatan.

Aleaf Apparel merupakan perniagaan yang diusahakan sejak Januari 2024, dilaksanakan Muhammad Alif Aiman secara separuh masa. Perniagaan ini tercetus ketika beliau masih menuntut di Politeknik Brunei (PB) sebagai projek tahun akhir, yang mana ketika itu mereka ditugaskan untuk bekerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung Bebuloh bagi memantapkan lagi produk-produk kampung.

Hasil daripada projek tersebut, idea beg anyaman moden, didapati mendapat sambutan daripada orang ramai. Oleh itu, walaupun projek tersebut sudah siap dan beliau sudah tamat pengajian dari PB, beliau merasakan perniagaan menjual beg-beg anyaman moden ini bagus untuk diteruskan.

Ketika ini, produk Aleaf Apparel dibahagi kepada tiga kategori iaitu Beg Anyaman AURUM.BN, Aksesori Kayu JHSCraft dan Produk Hiasan.

Beg Anyaman AURUM.BN merupakan beg anyaman dengan ciri khas dan gaya moden seperti *sling* dan *clutchbag*. Beg-beg ini dianyam oleh orang tempatan. Produk beg AURUM.BN yang ditawarkan ialah AURUM.BN *Classic Woven Sling Bag*, iaitu *sling bag* anyaman bersaiz kecil dilengkapkan dengan tali sepanjang 1.3 meter yang boleh disesuaikan oleh pengguna dan zip. Pilihan warna ialah hitam atau putih.

Terdapat juga AURUM.BN *Premium Woven Sling Bag* yang mana beg ini klasik tetapi mempunyai ciri khas *detachable design patches*. Corak *patches* ini percuma dua bagi setiap pembelian dan boleh dilekatkan di bahagian hadapan beg yang bertujuan memberi perubahan kepada beg dan juga di bahagian dalam sebagai poket kecil. Corak *patch* tambahan juga boleh dibeli dengan harga BND2.00 satu.

Manakala AURUM.BN *Woven Clutch Bag* pula merupakan beg *clutch* anyaman yang menggunakan magnet sebagai penutup, dan tali pendek untuk pergelangan lengan. Pilihan warna ialah hitam atau putih.

AURUM.BN *Bulky Woven Sling Bag* juga dijadikan sebagai produk di bawah beg anyaman yang mana beg ini bersaiz besar dan sesuai untuk membawa barangan yang agak besar seperti komputer riba. Ia dilengkapi dengan tali lebar sepanjang 1.3 meter.

Selain beg anyaman, beliau juga menjual aksesori kayu JHSCraft. Ia merupakan produk kayu tempatan seperti kayu bidara, sakang seribu, kayu malam, cendana, dan sebagainya hasil buatan ayah beliau. Aksesori dibuat seperti tasbih, cincin, gelang, dan keychain.

Terdapat juga produk hiasan seperti *iron-on embroidery, sticker, enamel pin* dan *acrylic pin*.

Produk-produk yang dijual di bawah Aleaf Apparel dijual pada harga berpatutan iaitu Beg Anyaman - BND25 hingga BND55, aksesori kayu pada harga BND10 hingga BND70 manakala produk hiasan pula bermula dengan harga 50 sen hingga BND3.

Ditanya dari mana sumber untuk mendapatkan produk, beliau memperolehnya dalam kalangan orang-orang tempatan seperti beg anyaman dari penganyam Kampung Bebuluh, produk kayu di tamu-tamu yang mana ayahnya memang lebih mengetahuinya memandangkan beliau sememangnya bertukang kayu. Manakala selebihnya pula diperoleh secara *online*.

Dengan menempah barang-barang dari orang-orang tempatan, bukan sahaja ia perlu untuk kegunaan perniagaan sendiri malahan membantu memberi sokongan kepada orang-orang tempatan agar produk mereka ada pembeli.

Beliau sering mengikuti ekspo yang dianjurkan di dalam negara dan ayah beliau juga sering membantu bagi sama-sama menjual produk-produknya secara fizikal.

Melalui perniagaan dari rumah ini, selain menjana pendapatan sampingan, pengalaman pahit getir yang diperoleh sepanjang berniaga itu sangat berharga bagi beliau. Ini penting kerana sebagai seorang bekas pelajar bidang perniagaan, di sinilah beliau dapat mempraktikkan apa yang dipelajari selama ini. Dengan ini segala ilmu-ilmu yang beliau kumpulkan adalah berguna dan tidak sia-sia.

Sebagaimana lazimnya adat orang berniaga yang mempunyai pasang surut, beliau juga tidak terkecuali menghadapi cabaran tersebut. Antaranya jualan tidak mendapat sambutan atas beberapa faktor. Jadi apa yang diperoleh sepanjang hari itu hanyalah rasa letih. Namun itu tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan perniagaan.

Sememangnya pembelajaran dalam bidang perniagaan yang diikuti semasa di PB terutama untuk projek tahun akhir, telah banyak membantu beliau terutama dalam memulakan perniagaan.

Beliau turut memberikan peluang kepada mereka yang aktif dalam kraf tangan mahupun kreativiti untuk mempamerkan produk-produk mereka melalui *website* mereka. Bagi mereka yang berminat, bolehlah menghubungi beliau melalui WhatsApp +6738186420. Selain itu beliau boleh dihubungi melalui Instagram di *@aleaf.apparel* dan Facebook di Aleaf Apparel.

Walaupun beliau tidak mempunyai kemahiran menganyam, tetapi dengan mendapatkan bahan yang sudah siap dari pembekal kemudian ditambah dengan beberapa inovasi seperti memberi *patches* agar kelihatan menarik dan moden, merupakan usaha yang ringkas namun masih boleh menjana pendapatan. Usaha ringkas ini patut dicontohi terutama bagi mereka yang masih tercari-cari produk yang untuk diniagakan.

Ingatlah bahawa membantu peniaga lain dengan membeli produk mereka kemudian dibuat jualan pula sememangnya sifat yang perlu ditanamkan sesama peniaga iaitu saling memberi dukungan antara satu sama lain. Ia bukan sahaja penting untuk masyarakat peniaga, tetapi juga untuk membina jaringan yang kukuh dan mampan. Apabila sesama peniaga saling membantu, dapatlah para peniaga maju bersama.



# JPI kukuhkan asas amalan kehidupan berugama

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Sekolah Rendah Labu Estate, Ihsan Sekolah Rendah Bengkurong**

**KERAJAAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat akan sistem pendidikan di negara ini. Pelbagai usaha telah dilaksanakan agar sistem pendidikan, sama ada pendidikan ugama mahupun umum di negara ini selaras dengan perkembangan dan kehendak semasa agar dapat melahirkan rakyat atau penduduk yang berilmu dan berpendidikan tinggi. Salah satu usaha yang dikendalikan ialah pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali Ke-39, bagi tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang mana baginda bertitah:

*"Mengenai bidang pendidikan juga, beta melihat supaya Skim Pendidikan biasa dan ugama dapat bersatu di bawah pengurusan yang sama supaya tenaga para pendidik dapat diintegrasikan dalam waktu persekolahan, iaitu bagi memenuhi maslahat dan kemudahan para ibu bapa dan penjaga ketika menghantar dan mengambil anak-anak sekolah".*

Pada menjunjung titah baginda itu, pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum di Negara Brunei Darussalam pun bermula pada 1 November 2023 di mana mata pelajaran ugama yang biasanya diajarkan di sekolah-sekolah ugama telah diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta. Melalui pengintegrasian itu, mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah ugama telah diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa.

### Program Bimbingan Solat

Dalam hal ini, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melaksanakan beberapa program bagi pelajar-pelajar yang terlibat dalam pengintegrasian berkenaan. Salah satu program yang dilaksanakan ialah Program Bimbingan Solat Pelajar Tahun 2 yang telah pun bermula sejak bulan Februari 2025 dengan membuat beberapa persiapan. Antara persiapan tersebut termasuklah kemudahan prasarana (penyediaan tempat berwuduk dan penyediaan tempat Solat Zuhur Berjemaah berasingan bagi pelajar-pelajar Tahun 2); penjadualan (penyediaan jadual pelaksanaan Bimbingan Solat Pelajar Tahun 2 dan penyediaan jadual bagi guru pembimbing dan guru pengawas) serta memaklumkan kepada ibu bapa / penjaga mengenai program ini bagi memastikan kehadiran pelajar sepanjang pelaksanaan program ini diadakan.

Pelaksanaan program ini antara lain mempunyai objektif untuk membentuk asas yang kukuh dalam amalan kehidupan beragama; membimbing pelajar untuk melaksanakan solat dengan betul sejak awal usia dan memastikan pelajar memahami dan mengaplikasikan bimbingan solat yang dipelajari di sekolah.

Bagi pelajar-pelajar Tahun 2 ini merupakan permulaan mereka untuk belajar solat di peringkat sekolah. Mengasuh pelajar untuk solat pada awal usia muda adalah sangat penting. Bimbingan khas perbuatan wuduk dan solat dapat membantu mereka memahami dan mengamalkan ibadah dengan betul. Amalan terbaik yang lazim di persekolahan ugama semasa pelajar berada dalam Darjah Pra mereka ini diberikan bimbingan secara intensif untuk melaksanakan solat dalam tempoh selama 3 ke 6 bulan.

### Program Bilal dan Imam Cilik

Program yang melibatkan Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta ini mula dilaksanakan pada bulan Februari 2025 hingga November 2025. Bilal Cilik disasarkan bagi Pelajar-Pelajar Lelaki Tahun 3, 4 dan 5 manakala Imam Cilik pula disasarkan bagi Pelajar-Pelajar Lelaki Tahun 4 dan 5 dengan objektif untuk mendidik dan melatih pelajar menjadi individu yang bertanggungjawab, berdisiplin dan berkemahiran dalam memimpin ibadah solat. Selain itu, program ini juga mempunyai objektif untuk membimbing dan melatih pelajar untuk menjadi bilal dan imam solat fardu serta meningkatkan keyakinan pelajar untuk tampil menjadi bilal dan imam.

Program ini merupakan salah satu nilai tambah bagi mengukuhkan kandungan pelajaran yang diajar di dalam kelas dengan pendekatan program di luar bilik darjah. Melalui program ini dihasratkan memberikan pelajar peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan agama mereka dalam situasi sebenar dan memperdalam pemahaman mereka mengenai solat berjemaah melalui pendekatan terhadap bilal dan imam.

### Harapan

Dengan terlaksananya program-program yang dikendalikan oleh JPI ini diharapkan akan dapat menggalakkan para pelajar untuk melaksanakan solat sejak awal usia dan menunaikan solat secara berjemaah. Selain itu program-program tersebut juga diharap akan dapat membantu dalam pembentukan akhlak dan peribadi pelajar yang lebih baik.



# UNIDO KECAM KENAIKAN TARIF AS, SERU KERJASAMA GLOBAL

**VIENNA,** 19 April. - Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) pada Jumaat menerbitkan artikel di laman sesawangnya, menyuarakan kebimbangan terhadap kesan buruk akibat kenaikan tarif baharu oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap pembangunan ekonomi global dan pertumbuhan industri, lapor Xinhua.

UNIDO menegaskan bahawa langkah menaikkan tarif adalah pendekatan yang salah, sambil menyatakan bahawa pelaksanaannya tidak disokong bukti kukuh bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Menurut artikel itu, tarif berkenaan meningkatkan kos pengeluaran industri, sekali gus menjejaskan kecekapan ekonomi, mengurangkan manfaat perdagangan serta melemahkan daya saing.

UNIDO memberi amaran bahawa dasar sedemikian akhirnya akan mengancam peluang pekerjaan di seluruh dunia, dengan menjejaskan negara-negara paling rentan.

Selain itu, ia memberi amaran bahawa kesan negatif kenaikan tarif tidak hanya menimpa negara yang sudah pun terdedah kepada risiko, tetapi juga negara pelaksana itu sendiri, bakal mencetuskan ketegangan geopolitik serta meningkatkan ketidaktentuan global.

"Daripada membina halangan kepada perdagangan industri, kita sepatutnya mengejar ekonomi global yang lebih adil dan mampan," kata Ketua Pengarah UNIDO, Gerd Mueller.

Mueller menggesa Amerika Syarikat serta negara perindustrian lain untuk bekerjasama dengan negara membangun bagi mewujudkan situasi menang-menang dan mewujudkan ekonomi global yang adil serta mampan demi kesejahteraan jangka panjang semua pihak.

Dalam unjuran ekonomi 2025 yang diterbitkan Khamis lalu, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) meramalkan perdagangan global akan merosot sebanyak 0.2 peratus akibat kesan tarif AS serta ketidaktentuan hubungan perdagangan dengan negara itu. - ©BERNAMA

# UNRWA beri amaran situasi kritikal di Gaza akibat sekatan Israel

**ANKARA,** 19 April. - Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) pada Jumaat memberi amaran bahawa serangan berterusan Israel serta sekatan semakin memburukkan krisis kemanusiaan di Semenanjung Gaza, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, UNRWA memaklumkan pihaknya kini mengendalikan 115 pusat perlindungan di seluruh Gaza, yang menempatkan lebih 90,000 pelarian.

"Situasi yang sedia genting kini semakin merosot akibat pengeboman serta sekatan yang menghalang kemasukan bantuan kemanusiaan dan bekalan komersial," menurut kenyataan itu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menganggarkan hampir 420,000 penduduk sekali lagi hilang tempat tinggal sejak gencatan senjata Januari lalu gagal dipertahankan, dan mengulangi gesaan kepada gencatan senjata segera di Gaza.

Sejak 2 Mac, Israel menutup sepenuhnya lintasan sempadan Gaza, menyekat kemasukan bekalan penting walaupun terdapat pelbagai laporan kebuluran di wilayah yang musnah akibat perang itu.

Tentera Israel melancarkan semula serangan ke atas Gaza pada 18 Mac, sekali gus memusnahkan perjanjian gencatan senjata dan pertukaran tahanan yang dicapai pada Januari. - ©BERNAMA

# Malaysia, Angola perkukuh hubungan diplomatik dan diaspora

**KUALA LUMPUR**, 19 April. - Kuasa Usaha Malaysia ke Namibia, Datuk Dr. Mohamad Rameez Yahaya baru-baru ini mengadakan lawatan ke Luanda, Angola bagi membincangkan usaha memperkukuh kerjasama dua hala dan hubungan diplomatik.

Lawatan selama tiga hari itu juga bertujuan mengeratkan hubungan dengan komuniti diaspora Malaysia di negara Afrika itu.

Sepanjang lawatan, Mohamad Rameez mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan Kementerian Hubungan Luar Angola, termasuk Pengarah Protokol George dan Pengarah Asia dan Oceania, Pauleth Dias, yang mengetuai meja diplomatik berkaitan Malaysia.

Beliau turut bertemu Setiausaha Tetap kementerian itu, Duta Joao Baptista De Costa bagi meneroka peluang mengukuhkan kerjasama dua hala.

"Dalam pertemuan bersama Baptista, perbincangan tertumpu kepada hubungan dua hala semasa... Kami berbincang mengenai kerjasama perdagangan dan pelaburan yang sedang berlangsung dan mereka menyatakan kepuasan terhadap penglibatan Petronas dalam meneroka blok luar pesisir baharu di Angola.

Saya turut menekankan kepentingan memperkasa pertukaran antara rakyat dan menggalakkan lebih ramai warga Angola menyertai kursus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)," katanya dalam satu kenyataan.

Di Luanda, Mohamad Rameez melawat pejabat Petronas dan mengadakan perbincangan dengan wakilnya, Qayyum, yang memberi taklimat berkenaan blok baharu yang kini diterokai bersama Total dan syarikat minyak nasional Angola, Sonangol.

Beliau turut mengambil peluang bertemu dengan rakyat Malaysia di Angola dalam satu majlis makan malam yang diadakan di daerah pusat perniagaan Luanda.

Sekitar 20 rakyat Malaysia menghadiri sesi itu, mewakili kumpulan lebih 70 orang yang bekerja dalam sektor minyak dan gas.

Faiz Rahimi, seorang rakyat Malaysia yang bekerja dalam industri minyak dan gas di Angola, turut hadir dalam sesi itu dan menyifatkannya sebagai peluang bermakna untuk berhubung dengan rakyat Malaysia lain.

"Terima kasih untuk acara seperti ini, saya berpeluang mengembangkan rangkaian profesional dan berkenalan dengan rakan baharu, terutama sekali mereka yang juga berasal dari Malaysia!

Menarik juga untuk mengetahui bahawa kebanyakan rakan senegara saya kini berkhidmat di syarikat minyak dan gas terkenal seperti Petronas, ExxonMobil, Azule Energy (usaha sama antara ENI dan BP), Total, dan Schlumberger," tulisnya dalam satu hantaran di media sosial. - ©BERNAMA

# Rakyat Kanada keluar mengundi awal

**OTTAWA**, 19 April. - Pusat pengundian awal bagi pilihan raya persekutuan Kanada dibuka pada Jumaat, memberikan peluang kepada pengundi untuk mengundi lebih awal sebelum hari pilihan raya rasmi pada 28 April.

Orang ramai dilaporkan beratur panjang di bandar-bandar seluruh negara.

Menurut perkongsian di media sosial, ramai yang terpaksa menunggu sehingga sejam untuk mengundi di beberapa pusat pengundian awal.

"Sambutan orang ramai sangat menggalakkan di seluruh negara dan keadaan sibuk di banyak pusat pengundian," kata jurucakap Elections Canada, Dugald Maudsley dipetik CBC News.

Maudsley menjelaskan bahawa jumlah keluar mengundi yang tinggi pada hari pertama tidak menjamin peratusan keluar mengundi keseluruhan yang tinggi.

Menurut laporan media tempatan, Elections Canada memaklumkan lebih 130,000 rakyat Kanada telah pun mengundi melalui undi khas, iaitu lebih dua kali ganda berbanding tempoh yang sama dalam pilihan raya 2021.

Undi khas diberikan kepada mereka yang tidak mahu menunggu hingga hari mengundi atau pusat pengundian awal.

Pada pilihan raya 2019, hampir 5 juta orang mengundi awal, manakala pada 2021, jumlah itu meningkat kepada 5.8 juta.

Kadar keluar mengundi ialah 67 peratus pada 2019 dan 62.2 peratus pada 2021. - ©BERNAMA

# 148 maut dalam kemalangan bot di sungai DR Congo

**KIGALI** (Rwanda), 19 April. - Angka kematian akibat insiden bot terbakar di Republik Demokratik Congo awal minggu ini meningkat kepada 148 orang, lapor Anadolu Ajansi memetik kenyataan seorang pegawai pada Jumaat.

Insiden tragis itu berlaku lewat malam Selasa di Mbandaka, wilayah Equateur.

Menurut Senator Jean-Paul Boketsu Bofili, bot kayu itu membawa 500 penumpang apabila ia terbalik selepas terbakar.

Mangsa yang maut termasuk kanak-kanak, manakala ratusan lagi masih gagal dikesan.

Lebih 150 mangsa berjaya diselamatkan, kebanyakannya mengalami kecederaan akibat melecur, katanya.

Beberapa mayat rentung turut ditemukan dalam bangkai bot yang hangus terbakar.

Laporan media menyebut kebakaran dipercayai bermula apabila seorang wanita sedang memasak di atas bot itu.

Sebelum ini, pihak berkuasa melaporkan jumlah kematian sekitar 50 orang.

Bot HB Kokolo itu lazim digunakan sebagai pengangkutan antara pelabuhan Bolenge di wilayah Equateur ke pasar utama di perkampungan Ngbondo yang menjadi hab kepada beberapa wilayah sekitar.

Tragedi berlaku hanya beberapa hari selepas insiden berasingan yang mengorbankan lebih 50 orang apabila sebuah bot sarat muatan turut karam di sungai yang sama. - ©BERNAMA

# Pembuat kereta Jerman VW berbincang dengan kerajaan AS berhubung cukai import

**BERLIN**, 19 April. - Ketua Pegawai Eksekutif Volkswagen, Oliver Blume berkata syarikat pengeluar kereta Jerman itu sedang mengadakan rundingan dengan kerajaan Amerika Syarikat berkenaan cukai import baharu terhadap kenderaan.

Dalam temu bual bersama akhbar Frankfurter Allgemeine Zeitung (FAZ) yang diterbitkan pada Jumaat, Blume turut membayangkan kemungkinan pengeluaran model Audi di Amerika Syarikat, lapor agensi berita Jerman dpa.

"Kami mempunyai strategi jangka panjang dengan pelbagai idea projek menarik yang disesuaikan khusus untuk pasaran AS.

Kami sedang mengemukakan cadangan ini. Rundingan secara konstruktif dengan kerajaan AS sedang berlangsung," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa industri automotif boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian kepada isu tarif.

"Tindakan paling berkesan ialah melabur di rantau-rantau utama, mewujudkan peluang pekerjaan dan menjalin kerjasama," katanya.

Blume juga berkata Amerika Utara merupakan antara wilayah pertumbuhan paling penting bagi Kumpulan VW, dan menegaskan komitmen Volkswagen untuk menjadi pelabur serta rakan strategik yang boleh dipercayai di AS.

"Kami mahu terus berkembang. Jenama Volkswagen mempunyai banyak peluang dalam penawaran produknya. Bagi Audi, pengeluaran di AS akan menjadi satu langkah penting dalam strategi kami," jelasnya.

Pengumuman tarif baharu oleh AS sebelum ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengeluar kereta di Jerman dan Eropah secara umum.

Amerika Syarikat merupakan pasaran eksport terpenting bagi industri automotif Jerman.

Pada tahun lalu sahaja, jenama utama Volkswagen menjual hampir 380,000 kenderaan baharu di AS - bersamaan lapan peratus daripada jumlah jualan global.

Model paling laris ialah SUV Atlas, yang hanya dipasarkan di Amerika Utara dan dihasilkan di kilang VW di Chattanooga, Tennessee. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# 'JAWATANKUASA PALESTIN' PARLIMEN ARAB BERSIDANG DI BAGHDAD

**BAGHDAD**, 20 April. - Mesyuarat 'Jawatankuasa Palestin' di Parlimen Arab bermula Sabtu di Baghdad dengan penyertaan delegasi dari negara-negara anggota Arab, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM).

Parlimen Arab menegaskan komitmennya yang berterusan dalam menyokong rakyat Palestin sehingga mereka memperoleh hak sah mereka - termasuk hak untuk kembali, kebebasan, penentuan nasib sendiri serta penubuhan sebuah negara merdeka dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu negaranya.

Parlimen itu turut menegaskan bahawa isu Palestin akan terus menjadi keutamaan dan teras utama dalam agendanya.

Presiden Parlimen Arab merangkap Pengerusi Jawatankuasa, Mohamed Ahmed Al Yamahi dalam ucapannya berkata bahawa mesyuarat itu diadakan sebagai sebahagian daripada usaha Parlimen Arab meneliti perkembangan terkini di wilayah Palestin yang diduduki, termasuk segala detik sukar dan genting yang sedang dihadapi dengan rakyatnya berdepan genosid, kebuluran, pengusiran, serta kemusnahan menyeluruh terhadap infrastruktur negara itu. - ©BERNAMA

# Kerja menyelamat kapal pesiar tenggelam di perairan Sicily ditangguh susulan cuaca buruk

**ROM**, 20 April. - Operasi rumit untuk mengangkat sebuah kapal pesiar mewah yang karam di perairan Sicily ditangguhkan selama seminggu akibat keadaan cuaca buruk, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Pihak berkuasa tempatan memaklumkan pada Sabtu bahawa usaha menyelamat dijangka bermula pada 27 April.

Kapal seberat 473 tan itu tenggelam berhampiran pelabuhan kecil Porticello pada Ogos tahun lepas dan mengorbankan tujuh nyawa.

Walaupun dipromosikan sebagai kapal tidak boleh tenggelam, kapal pesiar sepanjang 56 meter yang dinamakan Bayesian karam ketika ribut melanda, mencetuskan spekulasi berterusan mengenai punca tragedi itu.

Antara mangsa ialah bilionair perisian Britain, Mike Lynch, 59, anak perempuannya yang berusia 18 tahun, dua pasangan sahabat keluarga, dan tukang masak kapal itu. Semua kru lain terselamat.

Bayesian, yang dianggarkan bernilai puluhan juta dolar, merupakan antara kapal pesiar menggunakan layar yang terbesar di dunia dan mempunyai tiang layar setinggi 75 meter yang akan dibiarkan di dasar laut.

Siasatan jenayah sedang dijalankan.

Pihak pendakwa berharap proses mengangkat bangkai kapal itu akan membantu mengenal pasti punca kejadian.

Kapten warga New Zealand dan dua kru kapal sedang disiasat atas dakwaan mengabaikan amaran ribut serta meninggalkan penumpang dalam keadaan panik. Namun, penyiasat juga sedang meneliti kemungkinan kegagalan daripada pihak pembuat kapal Itali yang membinanya.

Kapal pesiar itu dibina 17 tahun lepas oleh limbungan kapal terkenal Perini Navi, yang kini dimiliki oleh syarikat tersenarai awam Sea Group.

Operasi menyelamat dijangka berlarutan sehingga pertengahan Mei. Bangkai kapal akan dibawa ke pelabuhan Termini Imerese berhampiran Palermo.

Kos operasi ditanggung oleh syarikat pemilik kapal, yang kini di bawah pengurusan balu Lynch. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 4 maut dalam cubaan lolos dari penjara di Chad

**YAOUNDE**, 20 April. - Sekurang-kurangnya empat orang terbunuh selepas para banduan cuba melarikan diri dari sebuah penjara di Chad, lapor Xinhua memetik sumber tempatan dan laporan media pada Sabtu.

Insiden berlaku sekitar 9 malam waktu tempatan pada Jumaat di Penjara Mongo yang terletak di tengah Chad.

Sumber mendakwa bahawa senjata telah diseludup masuk ketika satu tunjuk perasaan diadakan bagi membantah keadaan penjara yang daif.

Para banduan kemudiannya mengambil kesempatan untuk meloloskan diri.

Seramai empat banduan maut, manakala beberapa pengawal penjara cedera, menurut sumber keselamatan seperti dilaporkan media tempatan.

Lebih 130 banduan berjaya melarikan diri. - ©BERNAMA

# Pesawat China AG600 melakukan ujian penerbangan

**GUANGZHOU**, 20 April. - Sebuah pesawat pemadam kebakaran amfibia bersaiz besar iaitu AG600 **(Gambar)** melakukan ujian penerbangan di Pucheng, Wilayah Shaanxi barat laut China, pada Oktober 2024.

Pesawat pemadam kebakaran tersebut dibangunkan secara bebas oleh China setelah memperoleh sijil daripada Civil Aviation Administration of China di Beijing pada hari Ahad, menandakan kejayaannya dalam pembangunan dan kelulusan untuk memasuki pasaran.

AG600 ialah pesawat khas awam bersaiz besar pertama China yang dibangunkan mengikut keperluan peraturan kelayakan udara penerbangan awam.

Ia adalah sejenis peralatan aeronautik utama yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan mendesak sistem penyelamatan kecemasan negara dan sistem pencegahan serta kawalan bencana alam negara, menjaga keselamatan nyawa dan harta benda rakyat. - ©XINHUA




# Kru Soyuz MS-26 selamat mendarat di Kazakhstan

**MOSCOW**, 20 April. - Tiga angkasawan yang pulang dari misi di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) berjaya dikeluarkan daripada modul Soyuz MS-26 yang mendarat di Kazakhstan awal pagi Sabtu.

Pendaratan itu disiarkan secara langsung oleh agensi angkasa lepas Rusia, Roscosmos, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Angkasawan Rusia, Aleksey Ovchinin dan Ivan Vagner, bersama angkasawan NASA, Donald Pettit disambut oleh pasukan mencari dan menyelamat sejurus pendaratan.

Sebagai simbolik kepada sambutan Easter, Ovchinin menerima sebiji telur yang dinikmatinya di lokasi pendaratan.

Kru berkenaan meninggalkan ISS pada 19 April 21:57 GMT selepas mengucapkan selamat tinggal kepada angkasawan yang masih bertugas di stesen itu, termasuk warga Rusia, Sergey Ryzhikov, Alexey Zubritsky dan Kirill Peskov; warga Amerika, Anne McClain, Nicole Ayers dan Johnny Kim; serta angkasawan Jepun, Takuya Onishi.

Selepas memperlahankan kelajuan, ia memasuki semula atmosfera bumi dan mendarat menggunakan sistem payung terjun.

Sepanjang berada di ISS sejak 11 September 2024, Ovchinin dan Vagner melaksanakan lebih 40 eksperimen saintifik dan terlibat dalam satu misi berjalan di angkasa lepas pada Disember lalu, yang antara lainnya melibatkan pemasangan spektrometer 'All Sky Monitor' di bahagian luar ISS. - ©BERNAMA

# 3 terbunuh selepas pesawat ringan terhempas di Nebraska, AS

**LOS ANGELES**, 20 April. - Tiga orang maut selepas sebuah pesawat ringan terhempas ke dalam sungai pada malam Jumaat di Nebraska, Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua memetik pihak berkuasa tempatan.

Menurut Pejabat Sheriff Daerah Dodge, pesawat itu sedang menyusuri Sungai Platte di selatan Fremont sebelum terhempas ke dalam sungai berkenaan.

Ketiga-tiga mangsa yang menaiki pesawat telah dikenal pasti, menurut pejabat itu dalam satu kenyataan pada Sabtu, sambil menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.

Pihak berkuasa turut memaklumkan bahawa siasatan kini akan diambil alih oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) dan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB) AS. - ©BERNAMA




ePaper Pelita Brunei

# LIM HUA KIONG, LEEUN WONG JUARA KEJOHANAN BADMINTON



PARA pemenang bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan di Kejohanan Badminton anjuran Majlis Belia Brunei (MBB) dengan kerjasama Ijtihad Travel Sdn. Bhd., bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 April. - Pasangan Lim Hua Kiong dan Leeun Wong berjaya menyandang gelaran juara pada Kejohanan Badminton anjuran Majlis Belia Brunei (MBB), dengan kerjasama Ijtihad Travel Sdn. Bhd., bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Juara menerima hadiah wang tunai BND200 dan sebuah peranti elektronik. Manakala, pasangan Chris Yong Shun De dan Liew Yu Leong pula meraih tempat kedua dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND150, sementara pasangan Awang Mohammad Akmal Firdaus bin Mohamad Ali dan Awang Mohammad Zulkhairi bin Haji Mohd. Ariff menduduki tempat ketiga, dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND120.

Acara yang diadakan pada 19 hingga 20 April 2025 berkenaan menampilkan Kategori Beregu Lelaki untuk para pemain berumur 15 hingga 45 tahun itu telah berjaya menarik 32 peserta (16 pasukan).

Kejohanan berkenaan turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat majlis, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, yang juga turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pada hari kedua kejohanan berkenaan menyaksikan perlawanan suku akhir dan separuh akhir yang mendebarkan, seterusnya membawa kepada perlawanan akhir yang penuh semangat.

Kejohanan berkenaan bukan sahaja mempromosi gaya hidup sihat, malah memupuk ikatan komuniti serta menekankan semangat kesukanan dan persaingan sihat.

Para peserta juga menunjukkan semangat kerja berpasukan, penuh keazaman namun tetap menampilkan permainan yang adil dan mewujudkan persekitaran yang positif dan inklusif sekali gus mengeratkan hubungan dalam kalangan komuniti sukan badminton.

"Kami sangat teruja dengan kejayaan kejohanan badminton kali ini yang dijayakan melalui kerjasama kami dengan Ijtihad Travel Sdn. Bhd.

Di sebalik pertandingan, acara ini mengeratkan hubungan komuniti dan meraikan semangat permainan yang adil.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, penyokong dan rakan penaja atas sokongan mereka yang amat bermakna," kata Awang Muhammad Zuhairi bin Haji Hadi, selaku wakil dari MBB.

MBB dan Ijtihad Travel Sdn. Bhd. mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua peserta, sukarelawan dan para penaja termasuk Gardenia Food Industries dan The TuckShop Kopitiam atas sokongan mereka yang tidak ternilai.

Memandang ke hadapan, MBB merancang untuk menganjurkan lebih banyak inisiatif seumpamanya untuk menggalakkan penglibatan belia dan gaya hidup sihat. Untuk mengetahui perkembangan terkini MBB, kunjungi Instagram MBB *@majlisbeliabn*.

# MS ABDB menang besar

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



ANTARA aksi perlawanan antara MS ABDB dengan Kota Ranger BK FC yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

**BERAKAS**, Ahad, 20 April. - Brunei Elite Futsal League 2024/2025 (BEFL 2024/2025) menjadi medan untuk menggilap bakat pemain, sekali gus menjadi platform bagi memperkukuh dan meningkatkan pembangunan sukan futsal yang mampan dan berdaya saing di negara ini.

Sehubungan itu, BEFL meneruskan lagi saingannya malam tadi menyaksikan perlawanan antara MS ABDB dengan Kota Ranger BK FC bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pada perlawanan tersebut, MS ABDB berjaya menang selesa menewaskan Kota Ranger BK FC dengan keputusan 8 - 3.

Barisan pemain MS ABDB beraksi cemerlang dengan lebih mendominasi permainan apabila membuka jaringan pada minit ke-14 dan seterusnya menjaringkan dua gol pantas pada minit ke-15.

MS ABDB menambah derita pasukan lawan dengan menjaringkan gol keempat selang seminit kemudian. Pesta gol tidak terhenti di situ sahaja apabila MS ABDB memastikan mereka dalam kedudukan selesa pada babak pertama perlawanan dengan menjaringkan gol kelima pada minit ke-18.

Namun Kota Ranger BK FC tidak berputus asa meskipun ketinggalan jauh dengan menjaringkan satu gol pembukaan bagi pasukan mereka pada minit ke-18.

Memasuki babak kedua permainan, kedua-dua pasukan lebih beraksi agresif dengan para pemain masing-masing berusaha untuk cuba menjaringkan sebanyak mungkin gol, namun nasib lebih menyebelahi MS ABDB apabila berjaya menjaringkan tiga lagi gol pada minit ke-22, dan dua gol pada minit ke-30, manakala Kota Ranger BK FC berjaya menambah dua lagi gol penyudah bagi pasukan mereka masing-masing pada minit ke-20 dan ke-36.

Perlawanan malam tadi juga turut menyaksikan pertemuan antara Street United yang berjaya membelasah Syahkampong dengan berkesudahan 6 - 0.

Sementara pada perlawanan yang diadakan di sebelah pagi tadi menyaksikan kemenangan bagi Kampung Buangkok FC yang berjaya menewaskan DDT FC dengan jaringan 7 - 2.

BEFL 2024/2025 yang dianjurkan oleh Yakin Football League menampilkan lapan pasukan terbaik tempatan iaitu Kasuka & Ar Rawda; Almerez HiTUNE FC; Street United; Shah United; MS ABDB; DDT FC; Arbisyam FC; dan Kota Ranger BK FC.

Sementara sebuah pasukan dari Republik Singapura iaitu Kampung Buangkok FC turut bersaing dalam Division 1, BEFL.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ELAKKAN SOALAN YANG BOLEH MENYINGGUNG PERASAAN ORANG LAIN KETIKA BERZIARAH HARI RAYA